ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SALAH satu elemen penting yang ditekankan oleh Islam ialah menjaga dan memelihara nyawa. Kerana itu, Islam adalah melarang keras umat Islam membunuh diri dan sekali gus mengharamkan segala bentuk pembunuhan terhadap sekalian hamba Allah dan makhluk yang tidak berdosa."
- Titah Sempena Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1438.

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڠ ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN bertasbihlah memuji nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi daripada segala sifat kekurangan. Yang telah menciptakan sekalian makhluk dan menyempurnakan pencipta itu. Dan yang telah menetapkan keadaan makhluk-makhluk-Nya serta memberikan petunjuk."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al A' laa, ayat 1 - 3).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.14 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 137 | 16 NOVEMBER 2016 / 1438 صفر 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# Negara perlu graduan berkelayakan peringkat teknikal, vokasional




MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (kiri) menyampaikan sijil kepada para graduan pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-24 (Sesi Pagi) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 November. - Negara masih memerlukan rakyat dan penduduk yang mempunyai kelayakan di peringkat teknikal dan vokasional.

Menurut statistik dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE,) sebanyak 16,000 pekerjaan yang memerlukan kelayakan teknikal dan *tertiary* masih diisi oleh pekerja dari luar negara.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyuarakan perkara itu pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-24 diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Yang Berhormat turut difahamkan bahawa tahap *employability* graduan yang mempunyai kelayakan di bidang teknikal semakin meningkat hingga mencapai hampir 75 peratus.

Sehubungan itu, Menteri Perhubungan menegaskan, negara memerlukan saiz penduduk yang bekerja / *working population* yang besar yang terus menjana aktiviti perdagangan dinamik demi membangun ekonomi berdaya tahan.

"Ini sejajar dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk menggalakkan suasana pasaran dan perdagangan yang kondusif kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi," ujarnya.

Jelas Yang Berhormat lagi, usaha IBTE dan Kementerian Pendidikan dalam mempertingkatkan latihan dan vokasional ternyata membuka peluang dan pilihan awal kepada para penuntut untuk merancang dan mengejar minat mereka dari awal lagi.

**Ke muka 3**

# APB tawarkan Program Sarjana

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Masri Osman**

**TUNGKU LINK,** Selasa, 15 November. - Pengarah Akademi Pengajian Brunei (APB), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah berkata, peranan dan perjalanan APB sepanjang 26 tahun penubuhannya adalah sebagai salah sebuah fakulti yang menawarkan pengajaran multidisiplin yang meliputi pelbagai aspek kehidupan Brunei Darussalam.

Menurutnya, APB juga kini menawarkan Program Sarjana yang fokus pada penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti Budaya Material, Industri Tradisi Brunei dan banyak lagi.

Beliau berucap demikian pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Akademi Pengajian Brunei (APB) Ke-26 di Dewan Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Tetamu kehormat melancarkan buku 'Suara Wanita Brunei' hasil tulisan Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Kerma Wijaya Haji Tamit, iaitu mantan Pensyarah Kanan APB.

Satu pameran mini tentang hasil penerbitan terbaharu para tenaga akademik APB turut diadakan yang memaparkan salah satu terbitan buku dari salah sebuah penerbitan antarabangsa, Routledge yang bertajuk 'Brunei - History Islam, Society and Contemporary Issues'.

Di samping itu, pameran turut menyelitkan tayangan video ringkas mengenai penulis daripada kalangan tenaga akademik APB.

Kira-kira 200 jemputan terdiri daripada kalangan *stakeholders* APB sama ada dari jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta, institusi-institusi pendidikan juga perseorangan yang mempunyai komitmen sepanjang penubuhan APB.

Sebelum ini, APB juga telah melancarkan dua buah jilid buku bertajuk 'Tradisi dan Reformasi Pendidikan Merista Jasa Sultan Omar Ali Saifuddien' (jilid satu dan dua) yang mengandungi kompilasi penulisan-penulisan rencana.

Pelita Brunei sempat menemu bual Dr. Hajah Halimaturradiah binti Dato Seri Setia Awang Haji Metussin, anak kepada Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Kerma Wijaya Haji Tamit, penulis buku 'Suara Wanita Brunei'.

**Ke muka 3**


IKUTI KAMI DI

infodept.bn | @Infodept_bn | Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri





Muka 6

NBD - Sarawak kukuhkan hubungan melalui sukan





Muka 8

UTB iktiraf aktiviti ko-kurikular pelajar

# Nilai budaya bawa manusia kepada ketinggian peradaban

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**BERSYUKUR** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul di malam ceria di dewan yang indah ini dalam suasana negara masih merayakan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, 2016.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Bersama Pertandingan Canang Citra Budaya 2016 kerana mengundang saya untuk bersama mengikutinya.

Di dalam persekitaran dunia yang cepat berubah penuh cabaran ini. Usaha bagi menghidupkan dan mengekalkan beberapa warisan-warisan tradisi seperti kesenian muzik, bunyi-bunyian dan juga warisan budaya yang lain adalah menjadi cabaran.

Usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengungkayahkan Pertandingan Canang Citra Budaya 2016 adalah untuk menghidupkan ciptaan seni orang Brunei dengannya. Ilham orang Brunei menghasilkan seni dari bunyi-bunyian atau vokal yang indah dan harmonis itu akan terus menerus diketengahkan dan dilestarikan. Kreativiti individu dan kumpulan orang Brunei telah dapat menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan puak di negara ini. Pesta menuai atau 'Makan Tahun' bagi puak / masyarakat Kedayan misalnya bertujuan, di samping mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala antara pengisian majlis atau pesta ialah menghiburkan pesawah-pesawah dan petani atau peladang dengan aktiviti hiburan yang menyenangkan seperti muzik, lagu dan tarian dalam lingkungan yang terkawal.

Muzik juga merupakan instrumen perpaduan. Kita menyaksikan Asian Traditional Orchestra sebagai misalnya. Di mana gabungan pemuzik seramai lebih 80 orang dari ASEAN dan Republik Korea telah mengangkat muzik sebagai cara yang dapat menyatukan masyarakat ASEAN dan Republik Korea dengan harmoni walaupun lagu yang dimainkan dan alat muzik yang digunakan adalah berbeza.

Dalam ASEAN, aktiviti budaya tidak putus-putus direncana dan dilaksana, kerana pertukaran budaya didapati meningkatkan perpaduan melalui pembentukan kesatuan sosial dalam satu ruang dan waktu. ASEAN Rice Festival, ASEAN Youth Camp, ASEAN Corner dan baru-baru ini semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Terhadap Kebudayaan dan Kesenian Kali Ke-7 di Bandar Seri Begawan Festival Budaya ASEAN telah mempertemukan belia, penulis, murid dan pelajar serta orang perseorangan dalam ruang lingkup budaya. Khalayak ramai pula mendapat kesan limpahan menerusi tontonan dan penyertaan di Festival Budaya itu yang juga diselajurkan dengan sukut baik pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Bandaraya Budaya ASEAN 2016 / 2017.

Negara Brunei Darussalam mempunyai sebahagian besar kompilasi lagu-lagu asli yang unik dan mengandungi mesej yang pelbagai. Melalui pertandingan seumpama ini koleksi lagu-lagu asli identiti Brunei dijangka bertambah untuk terus dipertahankan dan diperkembangkan sebagai kekuatan orang Brunei dalam cabang seni. lrama Melayu seperti Zapin, Inang, Joget dan lain-lain adalah antara irama Melayu yang popular di rantau Melayu ini dan mempunyai tarikan yang



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Majlis Pertandingan Canang Citra Budaya 2016, anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kerjasama Radio Televisyen Brunei (RTB), pada 5 November 2016 bertempat di Dewan Raya, RTB, Bandar Seri Begawan.

tersendiri. Jika irama berkenaan disesuaikan dengan cetusan ilham yang kreatif mengikut edaran zaman, saya yakin ianya akan diminati oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira umur dan bangsa.

Dari itu adalah penting bagi kita untuk menghargai dan menghormati daya cipta individu, kumpulan dan masyarakat atas dasar melindungi warisan dan khazanah budaya negara kita, serantau dan antarabangsa. Semua ini adalah kerana nilai-nilai budaya dari mana-mana jua masyarakat di dunia ini mencerminkan keunikan dan nilai bangsa dan budaya negara masing-masing.

Dari akal itulah muncul nilai-nilai budaya yang membawa manusia kepada ketinggian peradaban. Budaya seterusnya membentuk cara dan gaya hidup. Perubahan gaya hidup disebabkan proses globalisasi melalui kemasukan budaya baharu yang meresap melalui pengaruh teknologi maklumat mungkin membuatkan hidup lebih mementingkan kebendaan serta keseronokan.

Disebabkan globalisasi, belia hari ini tidak lagi menjadikan tempat awam seperti perpustakaan, balai raya, surau mahupun masjid sebagai tempat pertemuan untuk bersosial. Jika tidak dibendung, perubahan gaya hidup ini boleh saja melupuskan identiti budaya tempatan. Proses pembentukan dan pendidikan akhlak perlu dimulakan di rumah dan dipupuk di sekolah agar dipraktikkan dari usia muda dalam kehidupan seharian melalui pertuturan dan tingkah laku yang baik.

Belia-belia dalam pengembangan keperibadian memerlukan kebudayaan, dan kebudayaan akan terus berkembang melalui keperibadian tersebut. Sesebuah masyarakat yang maju, kekuatan penggeraknya adalah individu-individu yang ada di dalamnya terutama belia. Tingginya sebuah kebudayaan masyarakat dapat dilihat dari kualiti karakter dan kemampuan belianya.

Di sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengenai ancaman budaya baru kepada paru belia antara lain baginda bertitah, "Era hari ini menyediakan ruang lingkup yang cukup luas untuk dilalui, sehingga tiada lagi sempadan dapat membatasinya. Ini kadang-kadang boleh mengelirukan orang untuk melakukan apa saja yang disukai tanpa boleh disekat-sekat lagi. Lalu wujudlah golongan yang sangat-sangat mendewakan kebebasan tanpa batasan dan sekali gus membawa muncul budaya baru, tidak menghiraukan lagi adat tradisi dan ugama. Pada biasanya, golongan seperti ini adalah lebih di dominasi oleh kaum belia di mana-mana saja." Demikian antara titah baginda.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari kepentingan untuk memperkembangkan dan mendidik belia mengenai kebudayaan dan kesenian. Pewarisan budaya-budaya luhur adalah melalui proses pendidikan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang mempertimbangkan penubuhan tempat belajar atau akademi di mana belia-belia diberi pembelajaran tentang daya cipta dan kreativiti orang Brunei dalam erti kata yang seluas-luasnya, pada satu masa yang bersesuaian. Perancangan strategik yang positif ini mendukung matlamat kementerian ini ke arah Wawasan Negara 2035.

Kaedah ini dijangka meningkatkan penglibatan belia dalam penyelidikan dan penerbitan tinggalan nenek moyang. Belia-belia akan menjadi profesional dalam bidang seni budaya dan warisan, menjadi seniman yang mahir dan karyawan yang berilmu dan berwibawa dalam banyak bidang serta menjana ekonomi.

Akademi memberi kesinambungan warisan seni negara dan menerapkan rasa menghargai secara hakiki dan rasa kekitaan kepada individu, belia dan masyarakat Brunei. Membentuk nilai keperibadian dan jati diri sebagai bangsa Melayu merupakan antara aspek penting dalam Pembentukan sahsiah dan keperibadian, sejajar dengan peradaban dan nilai-nilai murni Melayu Brunei.

Sebelum mengakhiri, saya mengucapkan selamat bertanding kepada peserta-peserta dan syabas dan tahniah kepada peserta yang berjaya nanti dan kepada peserta yang kurang bernasib baik supaya akan terus berusaha kerana peluang untuk menyertai pertandingan ini sentiasa terbuka bagi semua penggiat seni di kesempatan-kesempatan yang ada disediakan nanti.

## Dari Sidang Pengarang.

16 NOVEMBER 2016 BERSAMAAN 1438 صفر 16

### BELIA BERWAWASAN PEMANGKIN TRANSFORMASI

**HARI** Diabetes Sedunia ialah suatu kempen kesedaran sejagat bagi penyakit kencing manis yang disambut setiap 14 November setiap tahun. Ia diperkenalkan pada 1991 oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai gerak balas atau peringatan terhadap peningkatan membimbangkan diabetes di seluruh dunia. Di negara ini hampir 50,000 orang menghidap diabetes dan jumlah tersebut semakin menunjukkan peningkatkan yang membimbangkan.

Negara Brunei Darussalam bersama-sama negara-negara lain dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia memperingati Hari Diabetes Sedunia untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit ini, di samping menggalakkan mereka memerangi cabaran dan kerumitan hidup disebabkan penyakit diabetes. Selain itu ianya juga adalah untuk memberikan keyakinan kepada pesakit diabetes sama ada penyakit dan keluarga bahawa mereka tidak keseorangan dalam menghadapi cabaran tersebut.

Perubahan gaya hidup dan pola pemakanan memainkan peranan penting dalam mencegah risiko diabetes. 12.4 peratus orang dewasa di negara ini menghidap diabetes di mana hasil dari penyelidikan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan peratus yang membimbangkan. 44 peratus daripada kes-kes diabetes di negara ini yang tidak dikenal pasti. Ini bermakna bahawa lebih daripada 20,000 orang di Brunei Darussalam menghidap diabetes tetapi masih belum mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan malahan mereka tidak menyedari bahawa mereka menghidap diabetes.

Menyentuh petikan perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi bersempena Hari Diabetes Sedunia 2016 berkata, diabetes adalah kumpulan penyakit kronik bercirikan kadar gula yang tinggi dalam darah dan dengan sendiri jika tidak dirawat boleh mengakibatkan komadia betik. Kesan diabetes bukan sahaja dari aspek gula yang tinggi dalam darah. Dalam kalangan orang dewasa di Negara Brunei Darussalam diabetes adalah punca utama kebutaan, penyakit buah pinggang dan amputasi. Di samping itu, ujar Yang Berhormat, penyakit diabetes juga dua hingga empat kali lebih berkemungkinan mengalamai serangan jantung dan strok. Apa yang membimbangkan kita ialah diabetes terus menjadi salah satu punca utama kematian selepas kanser dan penyakit jantung.

Selaras dengan tema Hari Diabetes Sedunia tahun ini 'Eyes on Diabetes', marilah kita bersama memerangi diabetes dengan mengambil berat mengenai kesihatan kita dan memberi tumpuan kepada pencegahan dan pengesanan awal penyakit ini dengan melakukan pemeriksaan bagi memastikan diagnosis awal dua jenis diabetes dan rawatan bagi mengurangkan risiko komplikasi yang serius seperti masalah mata, buta mata, kegagalan buah pinggang, tekanan darah tinggi, serangan jantung, angin ahmar / strok, penyakit saraf, dan hilang jejari kaki atau kaki.

Penyakit diabetes boleh dicegah dan dikawal dengan pengurusan berat badan dan mengamalkan makan diet yang sihat dengan meningkatkan pengambilan sayur dan bijirin dan memakan 2 - 3 hidangan buah-buahan sehari. Bersenam dengan secara teratur dan konsisten selama 30 minit dengan melakukan aktiviti fizikal secara 'intensity' sederhana lima kali dalam seminggu, mengurangkan berat badan sebanyak 7 - 10 peratus juga dapat mengurangkan risiko diabetes. Berhenti merokok juga dapat mengurangkan risiko menghidap diabetes dan penyakit kardiovaskular. Tidak syak lagi cara yang paling berkesan untuk menangani diabetes adalah dengan menjalani gaya hidup yang sihat.

Kementerian Kesihatan selaras dengan tiga strategik utama untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit dan untuk membudayakan kesihatan tanggungjawab semua orang akan sentiasa bekerja rapat dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, sektor bukan kerajaan dan ahli-ahli kumpulan sokongan untuk terus melibatkan diri dengan pesakit dan orang ramai bagi mencegah, mengawal dan merawat berlakunya diabetes di Negara Brunei Darussalam.

Cegah sebelum parah dan mencegah itu lebih baik daripada merawat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kira-kira bermaksud : "Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab menunaikan hak terhadap badan kamu." (Hadis Riwayat Bukhari). **- Ketua Penyuntingan (Nh).**

### Ramalan Cuaca 3 Hari

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 30°C 25°C | 32°C 25°C | 32°C 25°C |
| MUARA | 30°C 25°C | 31°C 24°C | 32°C 25°C |
| PEKAN BANGAR | 30°C 24°C | 31°C 24°C | 30°C 24°C |
| PEKAN TUTONG | 29°C 25°C | 31°C 24°C | 30°C 24°C |
| PEKAN SERIA | 30°C 25°C | 32°C 25°C | 31°C 24°C |
| KUALA BELAIT | 30°C 25°C | 32°C 24°C | 31°C 24°C |

Talian Cuaca 114

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi NOVEMBER | HARI | Hijrah SAFAR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | RABU | 16 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.14 |
| 17 | KHAMIS | 17 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 18 | JUMAAT | 18 | 4.37 | 4.47 | 6.09 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 19 | SABTU | 19 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 20 | AHAD | 20 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.02 | 7.15 |
| 21 | ISNIN | 21 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.03 | 7.16 |
| 22 | SELASA | 22 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.34 | 12.07 | 3.29 | 6.03 | 7.16 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# APB tawarkan program sarjana



Dari muka 1

Dr. Hajah Halimaturradiah melahirkan rasa bersyukur sekali gus berbesar hati kerana buku arwah ibunya telah berjaya disiapkan dan dicetak oleh APB serta dilancarkan yang berperanan sebagai bahan rujukan.

**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Akademi Pengajian Brunei (APB) Ke-26.**

"Buku tersebut lebih tertumpu pada isu-isu wanita terutama sekali berkenaan Undang-undang Keluarga Islam 1999 di Negara Brunei Darussalam selain menekankan hak-hak wanita dari perspektif Islam dan wanita di dalam pendidikan Islam," jelasnya.

Sebanyak 75 artikel yang ditulis katanya, tetapi kami hanya berjaya mengumpulkan sebanyak 44 artikel dan dikompilasi menjadi satu, iaitu 'Suara Wanita Brunei'.

Beliau berharap buku tersebut mampu membantu dan menjadi bahan rujukan berguna kepada para pensyarah, penyelidik juga mahasiswa dan mahasiswi di luar sana memandangkan inti pati buku tersebut padat dengan konteks kebruneian.




**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman melancarkan buku "Suara Wanita Brunei" (atas).**



**DR. Hajah Halimaturradiah binti Dato Seri Setia Haji Metussin, anak kepada Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah, penulis buku "Suara Wanita Brunei"**

# Negara perlu graduan berkelayakan peringkat teknikal, vokasional

Dari muka 1



**MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-24 .**

Yang Berhormat seterusnya berkata, kementeriannya juga seperti di tempat lain sedang giat melaksanakan inisiatif yang akan dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan yang baharu.

Sektor perhubungan, tambahnya, mencatatkan perbelanjaan ketiga terbesar di negara ini dalam konteks *household expenditure*.

"Ternyata sektor ini juga merupakan asas penting kepada kesejahteraan dan pembangunan masyarakat yang dinamik.

"Justeru itu, saya menghargai kerjasama di antara Kementerian Perhubungan dan pihak IBTE dalam mengetengahkan keperluan membina modal insan yang berkemahiran," ujarnya lagi.

Melalui pengangkutan udara dan maritim, Yang Berhormat menekankan, kita terus berusaha untuk meningkatkan kesalinghubungan *(connectivity)* dengan negara-negara dan destinasi-destinasi yang mempunyai kepentingan dari segi ekonomi dan keselamatan.

Atas hasrat itu, Yang Berhormat melihat pihak IBTE memainkan peranan penting, untuk membangun kapasiti negara dan menyediakan tenaga pekerja dan kemahiran bagi memenuhi kompetensi yang digariskan oleh International Civil Aviation Organisation dan International Maritime Organisation.

"Antara bidang yang diperlukan ialah kelayakan-kelayakan teknikal dan profesional bidang pengawasan lalu lintas udara, kecekapan dalam navigasi dan maritim serta pengangkutan awam.

"Hasilnya nanti, insyaaAllah, bukan hanya menjadikan anak-anak tempatan kita lebih berkelayakan, tetapi mereka juga boleh bersaing bagi meraih peluang pekerjaan yang kompetitif baik di peringkat negara atau antarabangsa," tegasnya.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan setiap kejayaan yang dicapai oleh para graduan dalam semua peringkat pengajian dan pelajaran, menjadi sumber kebanggaan, bukan saja kepada ibu bapa dan keluarga, tetapi seluruh masyarakat yang ingin melihat negara ini maju dan mempunyai jumlah penduduk yang terpelajar selaras dengan Wawasan 2035.

Tidak ada kepuasan di dunia ini melainkan kita diperkayakan dengan iman dan ilmu, di mana darinya, kita akan menerima darjat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Yang Berhormat juga percaya, usaha para graduan untuk mencapai kejayaan ini, bukanlah perkara yang calang-calang, kalau tidak disertakan dengan ketekunan, ketabahan dan usaha yang gigih.

Menteri Perhubungan seterusnya berharap, para graduan akan merenung kembali dan menghargai perjuangan dan pengalaman atau *life changing experience* yang telah dilalui.

"Segala susah payah dan tekanan perasaan untuk menepati waktu dan sebagainya adalah sebahagian dari cabaran dalam melalui liku-liku pengajian.

"Saya yakin, semua ini tidak akan dapat dihadapi tanpa adanya ketekunan, ketabahan dan usaha gigih yang dilaburkan oleh semua graduan itu sendiri. Semangat ini luhur harus dimiliki oleh setiap graduan dalam melihat ke hadapan menentukan hala tuju dan bidang yang akan diceburi," tegas Yang Berhormat.

Alam pekerjaan atau keusahawanan tegas Yang Berhormat, bukanlah sesuatu perkara yang dipandang ringan atau *simply take for granted*.

"Para graduan harus sentiasa mengukur keupayaan diri dengan persekitaran pekerjaan.

"Sejauh mana pencapaian para graduan selanjutnya akan bergantung kepada keupayaan untuk memberikan yang terbaik, sebagai nilai tambah yang menjamin kesinambungan karier masing-masing," katanya.

Saya harap para graduan akan memanfaatkan ilmu yang diperolehi dan akan terus mempertingkatkan diri dengan menimba pengalaman dan pembelajaran sepanjang hayat atau *life-long learning*.

Para graduan, tambahnya, tidak ada pilihan melainkan untuk perlu *versatile* dan berinovasi mencambahkan sikap kepada bidang ilmu yang lain dan memasuki ke persada persaingan.

# Jumlah graduan IBTE perolehi pekerjaan meningkat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman




MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (kiri) menyampaikan sijil kepada para graduan pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-24.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 November. - Kemahiran dan kecekapan tenaga kerja bergantung pada kualiti sistem pendidikan negara kerana pendidikan teknikal merupakan salah satu elemen penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran bagi meningkatkan produktiviti dan ekonomi negara.

Sehubungan itu, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kali ini berjaya mengeluarkan seramai 2,075 graduan yang terbukti dengan penerimaan sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Hadir menyampaikan sijil kepada 1,155 graduan IBTE yang berjaya menamatkan Sijil Tinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal (HNTEC), Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal (NTEC), Kemahiran Kelayakan Perindustrian (ISQ), BDTVEC Sijil Kemahiran (SC) 2 dan 3 pada Sesi Pagi ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Juga hadir Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE serta Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Chin Wei Keh yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE dalam alu-aluannya menjelaskan, pendidikan teknikal merupakan salah satu faktor yang begitu signifikan dalam melahirkan sumber tenaga kerja yang berkemahiran dan menyedari akan hakikat ini, landasan yang tepat perlu disediakan bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk jangka masa panjang.

Kementerian Pendidikan melalui IBTE sejak tahun 2014 jelasnya, telah giat melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah rancangan Transformasi Pendidikan Teknikal, yang mana ia telah membawa pelbagai perubahan dan perkembangan kepada landskap pendidikan teknikal di negara ini.

"Perubahan sistem pendidikan teknikal ini dijana berdasarkan kehendak sumber tenaga manusia yang lebih responsif pada pelbagai inisiatif pihak kerajaan dan kolaborasi bersama pihak industri di dalam menginovasikan pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan tenaga mahir yang bersifat keusahawanan yang diiktiraf oleh industri dan dapat diterima di pasaran kerja," tambahnya.

Hasil daripada pelaksanaan Transformasi Pendidikan Teknikal, tambahnya, IBTE pada tahun ini telah berjaya mencapai beberapa pencapaian utama. Salah satu pencapaian yang sangat bermakna yang telah dicapai oleh IBTE ialah Penganugerahan Sijil ISO9001 : 2008 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS).

"Pengiktirafan ini telah menjadikan IBTE sebagai institusi pasca menengah yang pertama di negara ini yang menerima penganugerahan tersebut," katanya.

Dr. Chin Wei Keh seterusnya menjelaskan, beberapa program yang dijalankan di IBTE juga telah menerima pengiktirafan piawaian antarabangsa, antaranya ialah Program Latihan Kimpalan ataupun *welding* telah mendapat pengiktirafan piawaian antarabangsa 'The Welding Institute (TWI)' bagi menjalankan latihan kimpalan dan Sekolah Info Komunkasi dan Teknologi Maklumat (ICT) menerima pengiktirafan 'Computing Technology Industry Association (COMPTIA)' bagi program ICT.

"IBTE pada masa ini sedang dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa yang lain bagi program-program yang dijalankan oleh IBTE. Pencapaian dalam pengiktirafan piawaian antarabangsa ini akan dapat meningkatkan lagi kepercayaan serta kepuasan pihak industri terhadap kursus-kursus, di samping dapat mensejajarkan dengan piawaian industri.

"Dalam bidang kolaborasi dan kerjasama dengan pihak Industri, IBTE telah menandatangani perjanjian dengan 64 buah syarikat di negara ini. Perjanjian ini dapat memberi faedah serta meningkatkan lagi kerjasama dan kolaborasi di antara IBTE dengan pihak industri khususnya untuk berkongsi maklumat serta bahan-bahan pendidikan dan latihan," tambahnya lagi.

IBTE, jelasnya, telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi menaiktaraf persekitaran latihan supaya lebih kondusif dan selaras dengan perubahan kurikulum yang lebih menjurus kepada kaedah latihan *competency-based*, *hands-on*; dan berorientasikan praktikal.

Hasil dari inisiatif ini, tambahnya, beberapa buah 'pusat pembelajaran autentik' telah pun dan sedang dan akan ditubuhkan di kampus-kampus IBTE termasuk Youth Enterprise Service (YES) di Sekolah Bisnes, IBTE Kampus Bisnes; Authentic ICT Lab di Sekolah ICT, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal; Network Lab bagi program ICT di Sekolah ICT, IBTE Kampus Jefri Bolkah dan 'Mini Plant' bagi Program Tenaga dan Kejuruteraan di IBTE Kampus Jefri Bolkiah.

Dr. Chin Wei Keh juga menerangkan, hasil kajian Pengesanan Graduan *(Employment Study)*, iaitu peratusan graduan yang bekerja enam bulan selepas konvokesyen dari IBTE, yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Statistik IBTE pada bulan September 2016, telah menunjukkan bahawa seramai 74.5 peratus graduan telah berjaya mendapat pekerjaan enam bulan selepas konvokesyen dibandingkan hanya seramai 63.8 peratus pada tahun 2013.

Daripada jumlah peratus tersebut, seramai 11 peratus bekerja di sektor kerajaan, manakala seramai 86.5 peratus di sektor swasta. Manakala 74.8 peratus telah mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan program yang mereka ikuti, iaitu *job relevant* dibandingkan 65 peratus pada tahun 2013.

Majlis Konvokesyen Kali Ke-24 itu seterusnya disambung pada Sesi Petang bagi 920 graduan yang menamatkan BDTVEC Diploma Kebangsaan (ND) dan BDTVEC Diploma dalam pelbagai program latihan.

Sebanyak tujuh buah pusat latihan termasuk di bawah IBTE, iaitu IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, IBTE Kampus Jefri Bolkiah, IBTE Kampus Nakhoda Ragam, IBTE Kampus Sultan Bolkiah, IBTE Kampus Agro-Teknologi, IBTE Kampus Bisnes dan IBTE Kampus Mekanikal.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa menyampaikan sijil kepada para graduan yang menerima pada majlis tersebut.



SEBAHAGIAN daripada Timbalan-Timbalan Menteri serta tetamu-tetamu khas yang hadir pada Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-24 diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.




SEBAHAGIAN daripada para graduan yang menerima diploma dan sijil mereka pada majlis tersebut.

# 920 graduan IBTE terima diploma, sijil

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 November. - Seramai 920 graduan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menerima Diploma dan Sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-24 (Sesi Petang) yang diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Dari jumlah tersebut seramai tiga graduan menerima BDTVEC Diploma Kebangsaan (ND) dan seramai 917 yang lain lagi menerima BDTVEC Diploma yang disempurnakan penyampaiannya oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

IBTE sentiasa komited dalam memberikan pendidikan dan latihan teknikal dengan memfokuskan pada pembangunan sumber tenaga manusia berkemahiran yang dapat memenuhi keperluan pihak industri.

Di samping itu, IBTE juga begitu peka dengan misinya untuk membantu pelajar-pelajar khususnya para belia tanah air yang dahagakan pengetahuan dan melatih mereka supaya dapat menyumbang pada pembangunan negara dan sekali gus melahirkan belia berwawasan.

Pelita Brunei dalam temu bualnya bersama salah seorang penerima BDTVEC Diploma Kebangsaan dalam jurusan Business and Finance, dari IBTE Kampus Bisnes, Awang Mohammad Hafiy bin Haji Marsidi menekankan, dirinya mengambil jurusan itu memandangkan bidang berkenaan penting dan wajar dimiliki oleh belia kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah menitahkan supaya para belia mencari ruang dan peluang untuk memulakan perniagaan sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

Menjelaskan mengenai perancangannya setelah menamatkan pengajian di Sekolah Perdagangan, buat masa ini beliau bekerja sementara di Bahagian Insurans, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) sebagai *support staff*.

"Sekarang, saya juga turut menceburi bidang fotografi dan membuat penggambaran secara *freelance*, di samping turut menerima beberapa tempahan bagi aktiviti rekreasi dan Alhamdulillah boleh mengisi masa yang terluang selain dapat menambah pendapatan sampingan dan gambar-gambar fotografi tersebut akan saya muatkan ke dalam akaun Instagram saya," ujarnya.

Menurut beliau, bagaimana cara untuk mendapatkan sara diri selain bergantung harap pada sektor kerajaan ialah untuk terus berusaha menggunakan ilmu yang dipelajari sebagai platform untuk menceburi ruang-ruang perniagaan di negara ini.



Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan.

Bagi Awang Mohd. Ridhwan Muizzuddin bin Erwan yang memperoleh diploma dalam jurusan Sains Pertanian dari IBTE Kampus Agro-Teknologi menjelaskan, selepas menamatkan pengajiannya dia berhasrat untuk akan lebih fokus dalam perancangan beliau untuk memulakan perniagaan terutama yang menjurus dalam bidang pertanian.

Walau bagaimanapun tambahnya, pada masa ini beliau masih perlu meneruskan usaha untuk memajukan dan memantapkan lagi perniagaannya yang sedia ada, iaitu melalui perniagaan butik milik keluarganya, ini kerana jelasnya, dapat memberikan beliau tumpuan bagi persediaan atau persiapan ke arah perancangan perniagaannya di masa hadapan, di samping dapat memperoleh hasil titik peluh sendiri tanpa hanya perlu menunggu peluang untuk bekerja di sektor kerajaan semata-mata.

Manakala itu, Dayang Syaziera Ariesya binti Sofri dari Sekolah IBTE Kampus Agro-Teknologi yang mengambil jurusan Diploma dalam Sains Makanan dan Teknologi mengatakan tujuannya mengambil bidang itu untuk mendalami atau mengetahui dengan lebih lanjut mengenai ilmu pemakanan dan kesihatan.

Baginya, setelah menamatkan pengajian, dia akan terus berusaha untuk menyambung pelajaran dan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi, mungkin sahaja dalam bidang yang sama atau dalam bidang-bidang berkaitan atau dalam bidang lain yang dipikirkan sesuai dengan kehendak dan keperluan negara pada masa kini.

Antara perancangannya ialah untuk menceburi diri dalam bidang perniagaan terutama yang berkaitan dengan Sains Makanan, jelasnya.

Sejak tahun 2014, IBTE telah giat melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah rancangan Transformasi Pendidikan Teknikal, yang mana ia telah membawa pelbagai perubahan dan perkembangan pada landskap pendidikan teknikal di negara ini, selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam langkah menaik taraf pendidikan teknikal di negara ini.

Tahun ini IBTE telah melakar sejarahnya sendiri dengan mencapai beberapa pencapaian yang begitu signifikan bagi beberapa projek dan inisitif di bawah rancangan transformasi pendidikan teknik juga salah satu inisiatif strategik transformasi pendidikan teknik negara ini ialah penjenamaan pusat-pusat latihan di bawah IBTE.

Ia bermatlamat untuk meningkatkan imej pendidikan teknikal dan vokasional ke arah yang lebih positif kepada pelajar-pelajar dan orang ramai, di samping untuk menyejajarkan kesemua tujuh buah pusat latihan IBTE di bawah satu bumbung.



DAYANG Syaziera Ariesya binti Sofri, graduan dalam jurusan Sains Makanan dan Teknologi dari Sekolah IBTE Kampus Agro-Teknologi.



AWANG Mohd. Ridhwan Muizzuddin bin Erwan, graduan dalam jurusan Sains Pertanian dari dari IBTE Kampus Agro-Teknologi.



AWANG Mohammad Hafiy bin Haji Marsidi graduan dalam jurusan Business and Finance, dari IBTE Kampus Bisnes.



ANTARA para graduan yang menerima diploma dan sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-24 (Sesi Petang).

# NBD - Sarawak kukuhkan hubungan melalui sukan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (dua, kiri) hadir menyaksikan perlawanan separuh akhir Piala Perpaduan AFC 2016 di antara pasukan Negara Brunei Darussalam dengan Macau di Stadium Sarawak.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**KUCHING,** Sarawak, Malaysia, Isnin, 14 November. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, berada di sini bagi menyaksikan Sarawak International Dragon Boat Regatta 2016 atas undangan Kerajaan Negeri Sarawak.

Kehadiran Yang Berhormat adalah manifestasi sokongan kerajaan kepada Sarawak, jiran di Pulau Borneo yang menganjurkan sukan glamor lumba perahu yang merupakan amalan turun-temurun *(popular culture)* yang bertahan kerana cabang sukan mampu membawa perpaduan untuk keamanan dan kemajuan.

Turut memberi sokongan dalam bentuk penyertaan ialah empat buah pasukan dari Negara Brunei Darussalam masing-masing Pasukan Lela Cheteria (MLP, KLD), Telbru Brunei, Pasukan Lumba Kayuh Kementerian Pendidikan dan Pasukan Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan.

Acara yang bertemakan 'Race for Harmony' telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg yang juga Menteri Perumahan dan Perbandaran dan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, baru-baru ini.

Sarawak International Dragon Boat Regatta 2016 telah mendapat sambutan daripada orang ramai yang membanjiri Tebingan Kuching, Bandaraya Kuching sekali gus mendukung objektif ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang juga menjurus pada pengwujudan warga sihat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi semasa Majlis Perasmian Sarawak International Dragon Boat Regatta 2016.

Dalam acara berasingan, Yang Berhormat diundang oleh pihak Asian Football Confederation (AFC) bagi menyaksikan perlawanan separuh akhir Piala Perpaduan AFC 2016 di antara pasukan Negara Brunei Darussalam dengan Macau di Stadium Sarawak.

Yang Berhormat gembira melihat sukan diberi pengiktirafan, penghormatan dan penggalakan yang sama penting dengan sektor sosial yang lain bagi mencapai matlamat pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan berterusan.

Yang Berhormat juga berkesempatan melawat Muzium Negeri Sarawak yang mula dibukakan kepada orang ramai pada tahun 1891 yang kaya dengan repositori kelas pertama bahan-bahan pameran kesenian dan kebudayaan Sarawak khasnya serta Borneo amnya. Yang Berhormat dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah Muzium Sarawak, Dr. Charles Leh.

Mengiringi Yang Berhormat ialah Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Sarawak, Pengiran Hajah Krtini binti Pengiran Haji Mohd. Tahir dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad.

# CARAT tingkatkan keselamatan negara



SESI bergambar ramai selepas Majlis Pembukaan CARAT Ke-22, 2016.

**MUARA,** Isnin, 14 November. - Kebimbangan keselamatan secara dinamik sewajarnya memerlukan pelbagai agensi dan penyertaan dari agensi kerajaan yang merupakan perkara paling penting.

Kami merasa gembira dan mengalukan penyertaan rakan seperjuangan dari beberapa jabatan kerajaan atas penglibatan mereka pada tahun ini.

Pemerintah Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Hamzah bin Haji Sahat menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Pembukaan Latihan Kerjasama Kesiapsiagaan di Perairan (CARAT) berlangsung di Pusat Koordinasi Multinasional (MNCC), di sini.

Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Hamzah berkata, tahun ini merupakan kali yang ke-22 dan memainkan peranan penting dalam pembinaan keupayaan di rantau ini terutama melalui perkongsian amalan terbaik.

Selain itu, katanya, CARAT memberikan khidmat yang baik dalam meningkatkan daya operasi dan sekali gus menjalin hubungan yang rapat di antara angkatan tentera kedua negara, di samping interaksi di antara angkatan tentera di luar latihan.



KOMANDAN Kumpulan Logistik Pasifik Barat, Pemerintah Pasukan Petugas 73, Laksamana Muda Donald Gabrielson semasa ditemu bual.

Sementara itu, Komandan Kumpulan Logistik Pasifik Barat, Pemerintah Pasukan Petugas 73, Laksamana Muda Donald Gabrielson semasa berucap menjelaskan CARAT yang dijalankan dalam beberapa hari itu bukan hanya sekadar latihan, akan tetapi ia merangkumi jalinan Amerika Syarikat (AS) dan Brunei yang diikat sekian lama dan berharap persahabatan dua negara itu akan sentiasa berterusan terjalin erat di masa akan datang.

Ketika ditemui Laksamana Muda Donald Gabrielson berkata CARAT adalah penting dalam hubungan dua hala melalui latihan terbaik dalam bidang ketenteraan termasuk melatih anggota tentera lautnya dengan kemahiran tertentu.

Katanya, sebilangan anggota tenteranya merupakan baharu menyertai CARAT dan itu setentunya mengikat hubungan persahabatan yang baharu demi bakal pemimpin ketenteraan melalui kerjasama ini bukan sahaja untuk hari ini, tetapi demi masa hadapan nanti.

"Pihaknya, akan melibatkan sejumlah lebih kurang 600 ke 700 anggota tentera pada CARAT kali ini dan akan menumpukan beberapa aspek, antaranya mengekalkan keselamatan zon ekonomi negara, memerangi keganasan, latihan perubatan dan sebagainya," tambahnya.

Pelbagai pihak terlibat di sepanjang CARAT yang berlangsung selama lima hari yang melibatkan Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei dan Tentera Udara Diraja Brunei serta agensi kerajaan yang lain.

Sejurus perasmian, para perwakilan media tempatan berkesempatan melihat secara lebih dekat kapal perang US, USNS Millinocket (T-EPF 3) yang berukuran 338 kaki panjang dan 98 kaki lebar.

Kapal berkenaan berperanan membawa tentera dan logistik ketenteraan bagi misi-misi khas serta latihan di kawasan Asia Pasifik seperti CARAT Ke-22, 2016.

Antara ciri-ciri keunikan kapal ini adalah mempunyai pintu pemunggah kargo (*stern ramp*) yang boleh disesuaikan mengikut keadaan setempat dan mampu berlabuh di pelabuhan yang mempunyai perairan yang cetek.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

## Musim berkhatan 28 November hingga 28 Disember

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 November. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan Berkhatan pada musim cuti persekolahan penggal ketiga tahun ini akan bermula pada 28 November hingga 28 Disember ini.

Pendaftaran dan pemeriksaan bagi kanak-kanak yang telah berkhatan bermula pada 16 hingga 26 November 2016, jam 8.15 pagi hingga 11.15 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang (hari bekerja sahaja).

Pendaftaran dan pemeriksaan adalah di Bekas Klinik Pediatrik (bersebelahan Klinik Mata), Blok Pesakit Luar (OPD), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Ibu bapa atau penjaga hendaklah membawa bersama anak mereka berserta salinan surat beranak dan kad Bru-HIMS semasa membuat pendaftaran bagi pemeriksaan kesihatan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi pegawai-pegawai pengkhatan yang bertugas melalui talian +673 2242424 sambungan 6267 (pada waktu pejabat) atau menghubungi Talian Darussalam 123.

# Pemenang Minda Pembaca!

Minda pembaca

## Kitar semula didik generasi muda cintai alam sekitar

**KINI** program kitar semula bahan buangan telah mula diberi perhatian oleh kerajaan kerana kawasan pelupusan sampah sudah semakin terhad. Sampah yang semakin banyak perlu diuruskan dengan baik demi kebaikan semua.

Keadaan seperti ini jika tidak diuruskan dengan baik akan menyebabkan pencemaran tanah dan pencemaran udara yang boleh mendatangkan wabak penyakit. Pengitaran semula sampah sarap juga akan menjimatkan kos pengurusan sampah oleh pihak majlis perbandaran dan pihak swasta. Kos pengurusan sampah bukanlah murah kerana proses ini melibatkan banyak pihak dan kenderaan yang besar.

Mengitar semula bahan buangan juga penting untuk sumber industri berasaskan logam, kertas dan plastik. Oleh sebab itu, bagi sesetengah golongan program mengitar semula bahan buangan ini merupakan mata pencarian mereka. Botol minuman dan bekas makanan plastik boleh dijadikan sumber industri yang berasaskan barangan plastik. Semua bahan berkenaan boleh djual dan tidak harus dibuang di merata-rata tempat kerana ada banyak faedah yang boleh kita peroleh jika memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya.

Kegiatan mengitar semula sampah juga penting agar alam sekitar sentiasa bersih sepanjang masa. Kitar semula mendidik semua generasi mencintai kebersihan alam sekitar yang indah. Kebersihan alam akan menambah keceriaan di sesuatu kawasan. Orang ramai boleh menikmati keindahan alam dengan sepenuhnya jika alam sekitar bersih. Kehidupan menjadi lebih seronok dan selesa.

Orang ramai harus mengetahui tempat pembuangan sampah yang betul. Mereka hendaklah membuang sampah di tempat yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Program kitar semula telah dapat menyemaikan rasa tanggungjawab dalam jiwa masyarakat untuk bersama-sama membantu memelihara alam sekitar dengan membuang sampah di tempat pembuangan sampah yang sepatutnya.

Rakyat Brunei hendaklah sanggup berkorban demi kebersihan alam secara berkekalan. Kita mesti sanggup bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menjayakan program kitar semula bahan terbuang. Alam sekitar yang bersih akan menjamin keselesaan hidup di mana-mana juga kita berada di negara ini.

**Nama : Nur Siti Afifah binti Haji Sharbini**
**No. K/P : 01-107133 (K)**
**Alamat : No.51, Simpang 44, Jalan Parak RPN Kampung Panaga Seria KB4533.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA:**

1. **'Kukuhkan Institusi Kekeluargaan Dengan Pendidikan'.** Tarikh Tutup : **16 November 2016.**
2. **'Kepentingan Pelaburan Asing Kepada Negara'.** Tarikh Tutup : **23 November 2016.**
3. **'Amalkan Kesantunan Berbahasa Dalam Kehidupan Seharian'.** Tarikh Tutup : **30 November 2016.**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

# Usah diundang bala Allah Subhanahu Wata'ala

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

*DAN jika Kami menghendaki untuk membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah Subhanahu Wata'ala), tetapi mereka menderhaka dan melakukan maksiat di dalamnya, maka pastilah berlaku ketentuan (azab Kami), lalu Kami musnahkan negeri itu sama sekali.*

Surah Al-Isra' : 16

Kuasa Allah Subhanahu Wata'ala amat besar. Tiada ada yang dapat menghalang kehendak-Nya. Bila-bila masa sahaja akan ditunaikan-Nya. Sebagai hamba yang sentiasa meyakini akan kekuasaan Allah sewajarnya sama-sama merenungi dan menghayati akan perlakuan yang kita lakukan. Disebabkan kerenah dan krisis yang dilakukan manusia ini menyebabkan Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan atau menimpakan bala ke atas segelintir hamba-Nya. Ini merupakan ujian dan takdir Allah yang patut diterima oleh manusia.

Namun begitu, pelbagai tanggapan timbul apabila sesuatu musibah, bencana dan malapetaka menimpa kepada manusia. Terlalu sedikit yang menjadikannya iktibar dan pengajaran di sebalik sesuatu yang ditimpakan Allah Subhanahu Wata'ala. Sehubungan itu, bagi mereka yang beriman pastinya yakin setiap ujian, bala dan bencana semuanya berlaku dengan kehendak-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah As-Syura, ayat 30, tafsirnya :

*"Dan apa jua musibah yang menimpa kamu, maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa kamu."*

Dengan keyakinan, semangat, istiqamah dan keinsafan mendalam akan membolehkan kita mencari kekuatan diri bagi mengimarahkan bumi Allah dengan melakukan perbuatan yang diredai-Nya. Menjauhkan diri dari sifat kerakusan dan keterlanjuran yang mendalam dan keegoan yang tiada sempadan untuk menguasai bumi ini sepenuhnya.

Begitu juga dengan mengelakkan dari tercetusnya perbalahan, pertelingkahan, dendam dan permusuhan sesama manusia akibat dari pemikiran negatif iaitu melalui penanaman sikap toleransi dan saling faham memahami.

Mengamalkan segala yang disuruh dan menjauhkan segala yang dilarang merupakan kunci kerahmatan dan kedamaian yang dikurniakan oleh Subhanahu Wata'ala lantaran ketaatan yang kita berikan kepada-Nya. Kewajiban yang difardukan kepada-Nya ditunaikan dengan sempurna dan penuh keikhlasan. Allah tidak akan melupakan kita di suatu hari yang tiada perlindungan melainkan perlindungan dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala . Dan Allah tidak akan menurunkan bala itu melainkan ada sebab musababnya.

Firman-Nya dalam Surah Al-Mulk, ayat 1, tafsirnya :

*"Maha Suci Allah yang memegang kuasa pemerintahan (langit dan bumi). Dan Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

Bala adalah sebahagian daripada ujian Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-Nya. Orang yang menerima ujian berbentuk bala, maka ia bersabar dan bermuhasabah diri. Segala yang berlaku adalah kerana kerakusan, ketamakan dan kesombongan manusia dan kerosakan yang berlaku di atas muka bumi adalah di sebabkan tangan-tangan mereka sendiri. Mereka tidak menjadikannya iktibar dan panduan.

Tidak susah untuk menjadi seorang hamba yang taat kepada Allah. Jadikanlah Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pedoman hingga ke akhir hayat. Itulah panduan yang lengkap lagi sempurna yang mesti dituruti setiap manusia kerana Allah lah yang mencipta alam, maka Dia mengetahui apa yang baik dan mudarat kepada manusia.

Seandainya kita menolak Al-Quran dan As-sunnah maka akan datang kepada kamu azab dan seksaan yang tidak siapapun dapat menolong. Segala ingatan Allah dalam Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabdanya semuanya telah berlaku dalam masyarakat kita hari ini. Maha Benar firman Allah dalam Surah Al-Anfal, ayat 13, tafsirnya :

*"Dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya Allah sangat berat seksanya."*

Apabila datangnya bala Allah Subhanahu Wata'ala, maka tiadalah usaha ikhtiar kita untuk mencari pertolongan kecuali berserah kepada rahmat-Nya.

Kembalilah kepada Al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah. Jadikan syariat Islam sebagai undang-undang negara. Selama ini kita tidak yakin dengan keadilan-Nya. Maka percayalah dengan cara ini maksiat dan kemungkaran akan dapat dihalang, nescaya kita akan mengundang reda Allah dan menjauhkan bala-Nya.

Segeralah bertaubat dan berusaha agar dijauhkan bencana dan malapetaka yang tidak diingini. Hindarkan diri dari termasuk ke dalam golongan maksiat dan zalim. Janganlah kita mengundang bala Allah dan ambillah iktibar dalam setiap tragedi yang berlaku. Lihatlah bagaimana balasan dan bala Allah terhadap golongan dan umat terdahulu.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menenggelamkan Firaun dan tentera-tenteranya dalam laut. Qarun dibenamkan-Nya dalam perut bumi. Namrud diseksa-Nya dengan tentera nyamuk. Kaum Tsamud dibinasakan-Nya dengan halilintar. Kaum Aad ditimpakan-Nya dengan hujan batu. Kaum-kaum ini Allah binasakan sama sekali tidak berbaka lantaran keingkaran dan maksiat yang mereka lakukan.

Bertaubatlah dan takutlah akan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan apa yang disuruh dan menjauhkan apa yang dilarang-Nya. Insafi kesilapan, bermuhasabah diri dan nilailah hikmah daripada bala Allah yang hendak disampaikan kepada manusia, di samping berdoa agar diri kita dijauhkan dari segala macam bala dan bencana.

**DENGAN keyakinan, semangat, istiqamah dan keinsafan mendalam akan membolehkan kita mencari kekuatan diri bagi mengimarahkan bumi Allah dengan melakukan perbuatan yang diredai-Nya. Menjauhkan diri dari sifat kerakusan dan keterlanjuran yang mendalam dan keegoan yang tiada sempadan untuk menguasai bumi ini sepenuhnya.**

# UTB iktiraf aktiviti ko-kurikular pelajar



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kiri) menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 November. - Bagi menyuntik semangat pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB) untuk lebih aktif dalam pelbagai kegiatan ko-kurikular, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), universiti berkenaan mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Senarai Dekan dan Aktiviti Ko-Kurikular Pelajar serta Anugerah Prestige UniCup bersempena Majlis Konvokesyen UTB 2016.

Anugerah tersebut ditaja oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Syarikat Millilab, manakala Anugerah Prestige UniCup ditaja oleh Bank Islam Brunei Darussalam At-Tamwil Berhad.

Anugerah Senarai Dekan diberikan kepada 37 pelajar UTB Tahun 1 hingga 3, enam pelajar menerima Anugerah Aktiviti Ko-Kurikular dan dua pelajar menerima Anugerah Prestige UniCup.

Pelajar-pelajar yang menerima Anugerah Senarai Dekan adalah bagi program School of Business, School of Computing and Informatics and Fakulti Kejuruteraan.

Anugerah Aktiviti Ko-Kurikular terdiri dari Aktiviti Keagamaan, Pencapaian Perkhidmatan Komuniti Cemerlang, Pencapaian Kemahiran Hidup Cemerlang, Pencapaian Aktiviti Kebudayaan Cemerlang, Olahragawan dan Olahragawati.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada para penerima ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar berlangsung di The Pearl UTB, di sini.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abd. Rahman, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan UTB.

Sementara itu, Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah Haji Sulaiman dalam ucapannya menjelaskan, penyampaian Anugerah Senarai Dekan ini merupakan tanda pengiktirafan dan penghargaan pihak universiti atas pencapaian dan kecemerlangan pelajar-pelajar Tahun 1 hingga 3, di mana mereka adalah lima peratus pelajar teratas dalam bidang masing-masing.

Beliau berharap pencapaian ini akan dapat mendorong dan menjadi penyuntik semangat kepada semua penerima untuk meningkatkan usaha agar lebih berjaya begitu juga dengan penerima aktiviti ko-kurikular, yang mana UTB juga mengiktiraf pelajar-pelajarnya dalam bidang bukan akademik seperti pencapaian cemerlang dalam kemahiran hidup, perkhidmatan masyarakat, aktiviti kebudayaan, sukan, ugama dan anugerah berprestij UNICUP yang dianjurkan bersama oleh UTB dan BIBD-Tamwil.

"Pencapaian seperti inilah yang menjadikan abiskita sebagai pelajar contoh UTB. Teruslah menjadi individu yang cemerlang dan berwawasan," ujarnya.

Beliau menambah, kejayaan ini juga turut membawa kegembiraan dan rasa syukur daripada para ibu bapa, penjaga serta keluarga masing-masing dan sokongan serta dorongan demi kejayaan mereka.

Pada majlis itu, Timbalan Menteri Pendidikan juga mengadakan lawatan ke Pameran Ulang Tahun Ke-30 UTB yang dilancarkan semasa Festival Konvokesyen UTB pada 27 Oktober lalu, yang mana pameran mempamerkan pencapaian sejarah universiti dalam tempoh tiga dekad yang lalu sejak penubuhannya pada tahun 1986.

UTB memperkenalkan senarai Dekan buat kali pertama pada tahun 2015, yang mana senarai Dekan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pelajar tahun pertama, kedua dan ketiga yang telah menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang dalam pembelajaran.

Awang Mohammad Syukri bin Jamil yang menerima anugerah bagi Pencapaian Kemahiran Hidup Cemerlang dalam temu bual berkata, Alhamdulillah dengan berkat usaha dan doa kedua ibu bapa beliau hari ini menerima anugerah tersebut.

Beliau yang mengambil jurusan HND in Network Engineering seterusnya menyarankan kepada yang lain terutama kepada para belia untuk tidak malu bertanya dan mencabar diri untuk melakukan sesuatu yang baharu walaupun belum ada pengalaman dalam bidang tersebut, tetapi kita harus belajar untuk menghadapinya.

Tambahnya, kepada belia yang lain, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen UTB baru-baru ini, para belia juga disaran supaya tidak hanya fokus dalam akademik serta tidak mengharap kepada kerajaan atau sesebuah syarikat untuk menawarkan pekerjaan, tetapi untuk mencuba menubuhkan syarikat sendiri dan cuba belajar untuk menjalani sesebuah perniagaan.



# Tempahan FRS secara *online* meningkat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan



KEMUDAHAN-KEMUDAHAN awam ini termasuklah yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan dan Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 November. - Sistem Penyewaan Kemudahan Kerajaan secara *online* atau Facilities Rental System (FRS) secara Public Private Partnership dengan kerjasama Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru) yang telah dilancarkan pada 22 Ogos 2016 mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. FRS membolehkan orang ramai khususnya para pengguna untuk membuat tempahan bagi menggunakan kemudahan-kemudahan awam untuk bersukan dan beriadah.

Kemudahan-kemudahan awam ini termasuklah yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan dan Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan.

Setakat ini lebih 750 tempahan tempat sukan dan riadah telah dibuat dan dibayar secara *online*, di mana bulan Oktober sahaja, sebanyak 565 tempahan telah dibuat, iaitu peningkatan lebih 400 peratus berbanding peratus bulan September. Antara jenis sukan yang menerima banyak tempahan adalah Futsal, iaitu sebanyak 379 tempahan, Bola Sepak 151 tempahan, Bola Jaring (Netball) 80 tempahan, Badminton 71 tempahan dan Tenis 33 tempahan. Kemudahan-kemudahan lain yang juga menerima peningkatan tempahan secara *online* termasuklah Snooker dan Billiard, Dodgeball, Bola Tampar (Volleyball) dan Skuasy.

Dalam masa yang sama, kemudahan yang paling popular menerima tempahan secara *online* adalah Padang Futsal JKR 131 tempahan, Padang Futsal Kompleks Sukan Menglait 96 tempahan, Padang Futsal A Kompleks Sukan Berakas 93 tempahan, Padang Futsal B Kompleks Sukan Berakas 51 tempahan dan Padang Bola Sepak JKR sebanyak 49 tempahan.

Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sukacita mengalu-alukan agensi-agensi kerajaan lain untuk sama-sama ikut serta dalam penyediaan kemudahan-kemudahan masing-masing untuk didaftarkan di dalam FRS bagi membolehkan tempahan dibuat secara *online* dan memudahkan orang awam menggunakannya.

Jabatan Perbendaharaan juga mengalu-alukan orang ramai untuk menggunakan kemudahan kerajaan bukan sahaja tempat-tempat sukan malahan dewan-dewan bagi tujuan kekeluargaan atau perniagaan seperti beberapa dewan-dewan terpilih di Pusat Persidangan Antarabangsa, Pusat Belia dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dewan Teater Kementerian Kewangan dan beberapa kemudahan kerajaan lain yang telah pun berdaftar dengan FRS.

FRS boleh dilayari melalui laman sesawang *www.12book.com.bn* yang mana orang ramai boleh mengetahui kadar sewa tarikh kekosongan dan jenis kemudahan yang disediakan. Tempoh penempahan boleh dibuat 90 hari lebih awal dari tarikh penggunaan. Ini akan membolehkan para penganjur membuat perancangan lebih awal bagi penganjuran sesuatu acara dan menyediakan masa yang mencukupi bagi mengumpulkan dan menggalakkan penyertaan orang ramai bagi sukan atau acara-acara tersebut.

Maklumat lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan melalui talian telefon +673 2383444 atau melalui e-mel *ppp@treasury.mof.gov.bn* atau melayari *www.12book.com.bn.*



# Kewajipan menghadap kiblat ketika sembahyang

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SEMBAHYANG** merupakan perkara yang biasa kita lakukan dalam hidup seharian. Sama ada sembahyang fardu ataupun sembahyang sunat. Segala rukun, syarat dan cara mengerjakan sembahyang telah pun kita ketahui dan mudah untuk dilaksanakan termasuk perkara menghadap kiblat. Namun kadang-kadang masih juga timbul beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan. Umpamanya perkara menghadap kiblat ketika mengerjakan sembahyang dalam keadaan-keadaan yang bukan biasa seperti ketika berada di atas kenderaan, dalam kapal terbang, di atas kapal laut, di atas perahu dan seumpamanya. Ada orang yang menganggap perkara menghadap kiblat ketika sembahyang dalam keadaan tersebut tidak wajib. Malah ada yang berfahaman, memadai menghadap kiblat itu ketika mengangkat *takbiratulihram* sahaja.

Maka artikel Irsyad Hukum kali ini ingin menjelaskan tentang tuntutan menghadap kiblat ketika mengerjakan sembahyang dan cara menentukan arah kiblat.

Kiblat dari segi bahasa bererti arah dan dari segi syara' pula ia bermaksud Kaabah yang terletak di Masjidil Haram Mekah. Dinamakan ia sebagai kiblat kerana orang yang mengerjakan sembahyang menghadap ke arahnya. Menghadap kiblat merupakan syarat sah sembahyang. Tuntutan menghadap kiblat sabit dalam Al-Quran dan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* :




**Tafsirnya :** *"Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah)."*

(Surah Al-Baqarah : 150)

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahuanhuma*, beliau berkata :

**Maksudnya :** *"Ketika Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam masuk ke Baitullah (Kaabah), baginda berdoa di setiap arah. Baginda tidak mengerjakan sembahyang sehinggalah Baginda keluar daripadanya. Ketika Baginda keluar, Baginda mengerjakan sembahyang dua rakaat di hadapan Kaabah. Lalu Baginda bersabda : "Inilah kiblat."*

(Hadits riwayat Al-Bukhari)

***"ADAPUN bagi orang yang tidak mampu menghadap kiblat seperti orang sakit yang terlantar di atas katil dan tidak ada orang yang membantu menghadapkannya ke kiblat atau seperti orang yang diikat di pohon pokok, hendaklah dia mengerjakan sembahyang dalam keadaan posisinya itu dan wajib ke atasnya mengulang sembahyangnya itu setelah dia mampu".***

**Hukum menghadap kiblat ketika sembahyang**

Tuntutan menghadap kiblat ketika sembahyang hukumnya adalah wajib bagi orang yang mampu berbuat demikian, sama ada dalam sembahyang fardu ataupun sembahyang sunat melainkan dalam dua keadaan, iaitu :

**Keadaan pertama :** Sembahyang yang dikerjakan sama ada sembahyang fardu ataupun sunat ketika dalam keadaan sangat takut seperti dalam peperangan yang diharuskan. Termasuk juga dalam keadaan ini orang yang lari dari kebakaran, banjir, binatang buas atau ular dan dia tidak memperolehi jalan selamat daripadanya.

Orang yang berada dalam keadaan ini tidak disyaratkan ke atasnya untuk menghadap kiblat. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

**Tafsirnya :** *"Maka jika kamu takut (kepada sesuatu bahaya seperti musuh atau binatang buas) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan (dengan menghadap kiblat atau tidak)."*

(Surah Al-Baqarah : 239)

Imam al-Bukhari *Rahimahullah* menyebutkan dalam kitab Shahihnya mengenai tafsir ayat Al-Quran di atas, Ibnu 'Umar *Radhiallahuanhuma* ketika beliau ditanya mengenai sembahyang dalam keadaan sangat takut, beliau berkata :

**Maksudnya :** *"Apabila keadaan ketakutan lebih dahsyat daripada itu, mereka sembahyang dengan berjalan kaki atau berkenderaan dengan menghadap kiblat ataupun tidak menghadapnya."*

**Keadaan kedua :** Sembahyang sunat yang dikerjakan ketika dalam pelayaran yang bukan maksiat dan susah bagi seseorang itu untuk menghadap kiblat. Dalam hal ini, tidak disyaratkan baginya untuk menghadap kiblat.

Adapun sembahyang sunat yang dikerjakan ketika dalam pelayaran bagi tujuan yang diharamkan atau sembahyang sunat ketika bukan dalam pelayaran adalah tidak termasuk dalam pengecualian ini. Ia tetap disyaratkan untuk menghadap kiblat.

Demikian juga sembahyang fardu yang didirikan ketika dalam pelayaran adalah tetap diwajibkan untuk menghadap kiblat. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin 'Abdullah *Radhiallahuanhu* beliau berkata :

**Maksudnya :** *"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersembahyang (sunat) di atas tunggangan Baginda di mana sahaja tunggangan itu menuju arah, tetapi apabila Baginda hendak mengerjakan sembahyang fardu Baginda turun lalu menghadap kiblat."*

(Hadis riwayat Al-Bukhari)

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* mengenai orang yang mengerjakan sembahyang fardu di atas kapal, sekiranya angin bertiup sehingga mengubah haluan kapal itu lalu terpaling daripada kedudukan kiblat, maka wajib dia mengembalikan dirinya menghadap ke arah kiblat dan meneruskan sembahyangnya.

Oleh itu, selain daripada dua keadaan yang disebutkan di atas tuntutan menghadap kiblat adalah wajib, sama ada sembahyang fardu ataupun sembahyang sunat. Jika sembahyang didirikan dalam keadaan tidak menghadap kiblat, maka kedudukan sembahyang tersebut adalah tidak sah.

**Hukum menghadap kiblat bagi orang yang tidak mampu**

Adapun bagi orang yang tidak mampu menghadap kiblat seperti orang sakit yang terlantar di atas katil dan tidak ada orang yang membantu menghadapkannya ke kiblat atau seperti orang yang diikat di pohon pokok, hendaklah dia mengerjakan sembahyang dalam keadaan posisinya itu dan wajib ke atasnya mengulang sembahyangnya itu setelah dia mampu.

Jika seseorang berada di atas tunggangan dan dia takut tertinggal oleh rakan-rakannya sekiranya dia turun daripada tunggangan untuk mengerjakan sembahyang fardu atau dia takut terjadi sesuatu yang tidak baik ke atas diri atau hartanya, maka dia boleh mengerjakan sembahyang fardu itu di atas tunggangannya sekalipun tanpa menghadap kiblat demi menghormati waktu dan wajib dia mengulang sembahyang tersebut. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* juga menyebutkan perkara ini dalam kitabnya al-Majmu', katanya :

**Maknanya :** *"Berkata sahabat-sahabat kami: "Kalau sekiranya waktu sembahyang fardu telah masuk sedangkan mereka dalam perjalanan dan mereka khuatir sekiranya mereka turun (dari tunggangan mereka) untuk bersembahyang di atas bumi nescaya mereka tertinggal daripada rakan-rakan mereka atau takut akan berlaku sesuatu ke atas dirinya atau hartanya, maka dalam hal ini tidak harus meninggalkan sembahyang itu dan mengeluarkannya daripada waktunya. Bahkan hendaklah dia bersembahyang di atas tunggangan bagi menghormati waktu dan wajib mengulangi sembahyang itu kerana ia merupakan keuzuran yang jarang berlaku."*

# UNISSA diiktiraf jadi Ahli Majlis Pelaksana Rabitah Al-Jami'at Al-Islamiyah

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



**REKTOR UNISSA, Dr. Norarfan bin Haji Zainal (tiga, kanan) menerima Sijil Pelantikan sebagai Ahli Majlis Pelaksana Rabitah Al-Jami'ah Al-Islamiah daripada pihak IUL.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** 15 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan delegasi daripada Rabithah Al-Jami'at Al-Islamiyah (Islamic Universities League), Republik Arab Mesir.

Kunjungan tersebut merupakan kesinambungan dari lawatan Rektor UNISSA ke Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir pada bulan Mei yang lalu.

Delegasi Rabitah Al-Jami'at Al-Islamiyah (IUL) telah diketuai oleh Dekan Fakulti Kemanusiaan, Universiti Al-Azhar, Profesor Dr. Nabil Mohammed Tawfik dan diiringi oleh Pegawai Perhubungan IUL, Waleed Abdel Monem El Said Ibrahim.

Dalam sesi perjumpaan bersama Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, pihak delegasi telah menyerahkan sijil pelantikan keanggotaan UNISSA menjadi Ahli Majlis Pelaksana IUL.

Sijil pelantikan ini satu pengiktirafan bahawa UNISSA mempunyai kedudukan yang setanding dengan universiti Islam di peringkat antarabangsa dan akan bekerjasama dengan pihak IUL dalam merancang program-program ilmiah dan ketamadunan Islam.

Tujuan kunjungan IUL juga adalah untuk berbincang dengan pihak UNISSA dalam merangka program seminar antarabangsa yang akan diadakan nanti.

Seminar antarabangsa ini akan menampilkan ilmuan Islam dari seluruh pelusuk universiti Islam dan akan dapat meningkatkan lagi reputasi UNISSA di persada dunia sebagai universiti Islam yang unggul.

Dalam pada itu, Profesor Dr. Nabil Mohamed Tawfik dalam sesi taklimat menyatakan, IUL akan sentiasa memainkan peranan dan berusaha untuk berkhidmat pada kemajuan Islam dalam semua aspek, terutama dalam menangani isu-isu pendidikan, pengajian, penyelidikan dan sebagainya berdasarkan Ilmu, Iman dan Takwa.

Salah satu aktiviti dalam program kunjungan tersebut adalah Ceramah Awam disampaikan oleh Profesor Dr. Nabil Mohamed Tawfik bertajuk 'Islam and Sociology'.

Perbahasan yang disentuh adalah bidang sosiologi dan sejarah pembangunan dunia barat dan dunia Islam. Beliau juga menjelaskan bahawa sosiologi dan Islam berkait rapat sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Ceramah Umum ini telah dihadiri oleh Timbalan Rektor, Dr. Haji Mohd. Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor, Dr. Arman bin Haji Asmad dan para Pensyarah UNISSA.

# UBD anjurkan Seminar UBD - Apen JAIF Multiversity

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Brunei Darussalam




BERGAMBAR ramai pada Seminar UBD - Apen JAIF Multiversity di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD.

**TUNGKU LINK**, Isnin, 14 November. - Dekan Fakulti Integrasi Teknologi (FIT), Profesor Chandratilak De Silva Liyanage berkata, hari ini merupakan sudah tiga tahun sejak Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Apen (Rangkaian Pendidikan Profesional Asia) menandatangani Memorandum Persefahaman bagi mengukuhkan kerjasama dan telah banyak pencapaian yang dibuat sejak itu.

Menurut Siaran Akhbar UBD, beliau berucap demikian pada Seminar UBD - Apen JAIF Multiversity di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD yang bertemakan "Untuk Membangunkan Kurikulum Berkesan untuk Pendidikan Kejuruteraan".

Katanya, antara projek-projek tersebut termasuk projek berasaskan pembelajaran (PBL) melalui telepersidangan di antara Jepun, Negara Brunei Darussalam dan New Zealand, pelajar dan pergerakan kakitangan serta pertandingan projek Inovasi.

Tahun ini tambahnya, UBD telah menerajui kerjasama yang baharu serta menarik di antara negara-negara ASEAN dan Jepun melalui Apen bawah sokongan JAIF (Tabung Integrasi ASEAN Jepun).

Seminar itu katanya, adalah salah satu inisiatif yang dipersetujui dalam MoU yang ditandatangani pada 30 Mac lalu di antara Institut Lanjutan Teknologi Industri (AIIT), Jepun dan UBD yang dirasmikan di bawah kerjasama Apen - JAIF.

Jelasnya, MoU Apen - JAIF telah ditandatangani pada bulan Mac lalu dan ia membolehkan Apen - JAIF meluaskan skop untuk meningkatkan rangkaian di antara negara-negara ASEAN di bawah dua projek bertajuk : Indeks Kredibiliti untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (CIS) juga kajian perbandingan sistem pendidikan profesional dalam institusi pengajian tinggi negara-negara ASEAN.

Skop utama projek Multiversiti itu adalah untuk menjalankan kajian perbandingan sistem pendidikan profesional di institusi pendidikan tinggi, katanya.

Juga disebut oleh Profesor Chandratilak De Silva Liyanage, "Di Universiti Brunei Darussalam, kami telah melalui transformasi utama sistem pendidikan kita pada tahun 2008. Kurikulum ini adalah menyeluruh dan pelbagai disiplin. Kurikulum ini menekankan Keusahawanan, Kepimpinan, Inovasi dan Kesedaran Alam Sekitar kepada semua pelajar kita.

"Kami memanggilnya Kurikulum Generasi Seterusnya atau GenNEXT. Kami mengutamakan kepentingan syarikat dan sentiasa mengkaji semula kurikulum untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan. Malah, jenis model pendidikan ini adalah jenis pilihan sistem pendidikan profesional yang meluas dicadangkan di bawah peta projek Multiversiti.

Selain itu, FIT juga mengadakan rundingan dengan Institut Teknologi Stevens di Amerika Syarikat dan di Negara Brunei Darussalam, kita telah mempelopori kurikulum unik 'Design Spine' dalam program Sistem Kejuruteraan yang melibatkan pengajaran modul reka bentuk Kejuruteraan," tambahnya.

Katanya, ini membolehkan pelajar-pelajar kita menjadi lebih bersedia dan mendedahkannya pada masalah reka bentuk kejuruteraan yang sebenar serta meneruskan pembelajaran melalui pengalaman.

UBD ujarnya, sentiasa memastikan kewujudannya menjadi relevan melalui kerjasama dan perkongsian bersama dengan universiti dan institusi lain. Kami sepenuhnya akan mengambil kesempatan dari peluang-peluang terbaik ini untuk kemampuan kita melalui kerjasama dengan ASEAN dan Jepun

Manfaat dari projek itu adalah berlipat ganda, jelasnya, satu sistem pendidikan berjaya dipetakan yang akan menyediakan universiti serta institusi masing-masing dengan alat penanda aras dalam pembangunan kurikulum dan data yang diperoleh boleh diterbitkan sebagai penyelidikan.

Skop utama projek Multiversiti itu adalah untuk menjalankan kajian perbandingan sistem pendidikan profesional di institusi pendidikan tinggi.

Selain UBD, universiti negara-negara lain yang turut serta dalam projek-projek Apen - JAIF merangkumi Institut Teknologi Kemboja; Institut Teknologi Bandung (Indonesia); Universiti Kebangsaan Laos; Universiti Teknologi Malaysia; Universiti Yangon Technological; De La Salle University; Universiti Teknologi Nanyang dan Universiti Kebangsaan Viet Nam.

Turut hadir pada seminar itu ialah Pengarah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Chin Wei Keh; Presiden AIIT, Dr. Seiichi Kawata dan ahli Apen lain, wakil dari universiti-universiti serta institusi yang mengambil bahagian juga ahli FIT.

## Orang ramai saksikan fenomena bulan purnama terbesar

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



JURUUKUR Bahagian Geodatik, Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman.



JURUUKUR Bahagian Pengurusan Kualiti dan Aset, Dayang Willyza Bibiana binti Ibrahim.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 November. - Kawasan Dermaga Diraja di ibu negara dibanjiri dengan kehadiran orang ramai yang berpeluang untuk menyaksikan fenomena bulan purnama terbesar atau lebih dikenali sebagai 'Supermoon' atau bulan penuh 'Perigee' yang kelihatan bermula jam 7.24 malam serta diikuti dengan fasa seterusnya, iaitu fasa bulan purnama pada jam 9.54 malam.

Fenomena itu berlaku apabila bulan akan berada di kedudukan paling hampir dengan Bumi (Perigee) yang membuatkan saiz bulan seolah-olah lebih besar dari biasa menurut Juruukur Bahagian Geodatik, Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman dalam temu bual bersama Pelita Brunei yang menjelaskan bahawa ukuran fizikal bulan sebenarnya tidak berubah sama sekali hanya jarak kedudukan bulan dan bumi yang menjadikan 'Supermoon' lebih luar biasa.

Tambah Awang Haji Khairul Abidin lagi, bulan penuh Perigee ini berlaku satu tahun 48 hari (408 hari dalam setahun), namun disebabkan pada kedudukannya kali ini lebih hampir ke jarak bumi yang menjadikan keadaan bulan itu yang lebih besar dari sedia kala dengan 30 peratus lebih terang dan 14 peratus lebih dekat serta lebih besar dari bulan purnama yang sebelumnya.

Sementara itu, menurut Juruukur Bahagian Pengurusan Kualiti dan Aset, Dayang Willyza Bibiana binti Ibrahim menjelaskan, fenomena 'Supermoon' seumpama itu pernah berlaku di negara ini sekitar 68 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1948 dan kejadian kali ini bakal menyaksikan bulan berada paling dekat dengan bumi dengan prosesnya mengambil masa selama 2 jam 30 minit.

Dari itu, beliau bersama Awang Haji Khairul Abidin, selaku wakil bagi pihak Jabatan Ukur khusus melalui Bahagian Unit Astronomi, Bahagian Geodetik mengalu-alukan kehadiran rakyat dan penduduk negara ini untuk mengambil kesempatan menyaksikan 'Supermoon' itu, di mana peluang untuk menyaksikan kejadian yang sama dijangka akan berlaku lagi dalam tempoh 18 tahun akan datang, iaitu pada tahun 2034.

Berikutan dengan fenomena yang amat jarang sekali berlaku tersebut, Jabatan Ukur mengambil inisiatif menyediakan sebanyak lima biji teleskop (dua bersaiz besar dan tiga bersaiz kecil) bagi kegunaan orang ramai untuk menyaksikan fenomena tersebut dengan jarak yang lebih dekat dan jelas, selain itu salah satu teleskop berkenaan akan berhubung terus memantulkan imej di bulan secara terus ke *slide projector* yang tersedia.



FENOMENA Bulan Purnama Terbesar 'SUPERMOON'.



ORANG ramai ketika menyaksikan Fenomena Bulan Purnama Terbesar 'SUPERMOON' bertempat di Kawasan Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

# Berniaga kecil-kecilan bantu kewangan keluarga



MAHDI bersama anak lelaki menjual pau mereka.

Rencana dan Foto :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

USAHA yang gigih dan sifat yang tidak suka membuang waktu tanpa diisi dengan sesuatu pekerjaan yang berfaedah akhirnya mencetuskan satu perniagaan yang pada mulanya hanya untuk suka-suka berakhir dengan satu pekerjaan tetap.

Bermula dengan hanya membuat kuih untuk mengisi masa lapang, kini seorang ibu empat anak lelaki, yang mana dua daripadanya sudah bersekolah, Dayang Ainie binti Haji Hidup, 32, boleh tersenyum syukur kerana mampu menjana pendapatan sampingan dalam membantu menambah pendapatan suami menerusi perniagaan kuih pau.

"Pada mulanya kami melibatkan diri dalam pembuatan kuih pau ini cuma saja-saja dan tiada niat langsung untuk dijadikan satu pendapatan sampingan atau menjualnya, apa yang kami buat hanyalah untuk makan kami seisi keluarga juga untuk disedekahkan kepada jiran-jiran dan sanak saudara," jelas Ainie.

Kata Ainie, dia berniaga kuih pau sejak empat tahun lalu bermula tahun 2012 dan semua ini pada mulanya hanya dari hobi bagi mengelakkan rasa bosan dan mengisi masa terluang ketika berada di rumah, memandangkan beliau seorang suri rumah tangga sepenuh masa.

"Saya buat kuih secara suka-suka dan beri kepada jiran tetangga sebelum tercetus idea untuk jual kuih. Alhamdulillah, dari sehari ke sehari, perniagaan kian berkembang hingga saya dan suami turut menjual kuih pau yang diberi nama Kuih Pau Melayu Homemade dan menjualnya secara langsung di Pantai Serasa pada ketika itu sebelum kami mula menjualnya di Pantai Jerudong hingga sekarang," tambah mereka.

Ainie mendapat sokongan penuh daripada suaminya yang turut sama membantu isteri dalam membuat kuih pau dan menjualnya.

Soal modal yang dikeluarkan dalam membuat kuih pau ini, beliau menjelaskan telah mengeluarkan modal yang memang banyak untuk membeli peralatan-peralatan yang diperlukan dalam membuat kuih pau dan sebahagian peralatan tersebut diperoleh dan dibeli dari luar negara seperti Sabah, Thailand dan sementara bahan-bahannya pula diperoleh di kedai-kedai dan pasar raya-pasar raya yang ada di sini.

Jelas Ainie dan suaminya, Mahdi, mereka berkata, oleh kerana minat yang amat mendalam dalam membuat kuih pau ini, kami cuba untuk menjualnya secara kecil-kecilan dan nampaknya mendapat sambutan yang tak diduga dan dari sinilah kami cuba meneruskan pembuatan kuih pau ini sedikit demi sedikit untuk melihat sendiri perkembangan hasil daripada penjualannya.

Menurut Ainie dan suami lagi, mereka tidak mengikuti mana-mana kursus dalam pembuatan kuih pau ini dan semua kebolehan dalam pembuatan kuih pau ini diperoleh daripada sanak saudara yang berada di Kota Kinabalu, Sabah.

"Pada mula kita mencuba membuat kuih pau ini memang banyak cabaran dan dugaan yang ditempohi terutama dalam menghasilkan pau yang terbaik, dalam tempoh pembuatannya kami menghadapi banyak kegagalan dan pastinya juga kami mengalami kerugian dari segi modal yang telah kami keluarkan."

"Namun kerana semangat dan ketabahan yang ada mengatasi semua kegagalan ini dan akhirnya kami berjaya menghasilkan pau yang terbaik, sememangnya dalam pembuatan kiuh pau ini memang amat sukar dan boleh dikatakan ia begitu sensitif dan cerewet untuk menghasilkan pau yang memuaskan bukan saja dari segi rasa bahkan yang penting dari segi struktur dan keempukkannya," terang mereka berdua.

Selain menjual kuih pau di Pantai Jerudong mereka juga turut menerima tempahan secara borong dari rumah.

Menurutnya, walaupun menjual kuih pada harga murah, iaitu BND1.00 bagi yang bersaiz besar, mana-mana pelanggan yang berkeinginan pau bersaiz yang kecil juga kami boleh membuatnya dengan harga 50 sen, sementara kami juga mencaj sebanyak BND2.00 untuk penghantaran tempahan bagi 30 ke atas, sejauh ini hasil jualan agak memuaskan sehingga mampu membantu dalam menampung perbelanjaan seharian keluarga.

"Setiap kuih pau yang hendak dijual di Pantai Jerudong, saya perlu menyiapkan lebih 30 kuih pau pelbagai jenis bagi memenuhi permintaan pelanggan dan ini tidak termasuk yang sudah ditempah awal oleh pelanggan-pelanggan saya, memandangkan untuk menghasilkan kuih pau yang begitu banyak kami suami isteri kenalah bangun awal dalam jam 4.00 subuh kerana untuk 40 biji pau yang dihasilkan ia memakan masa selama tiga jam lebih ini tidak termasuk untuk menyediakan kesemua bahan untuk membuat pau tersebut, kerana pembuatan kuih pau ini memang begitu rumit sekali bermula dari menguli tepung hinggalah memasaknya kerana jika kita tersilap langkah dalam membuatnya akan merosakkan kesemua pau tersebut," ungkap Ainie dan suaminya.



MELAYAN pelanggan yang datang membeli pau mereka.

Namun seberat manapun yang kami rasakan dalam membuat kuih pau ini, tetapi kami suami isteri bersabar dan bersyukur kerana jika kita perhatikan di negara kita tidak banyak yang melibatkan diri dalam pembuatan / penghasilan kuih pau *homemade* ini kerana kecerewetan dalam pembuatannya yang banyak menguji pada kesabaran dan kepakaran kita, kita juga maklum pau lebih banyak didominasikan pembuatannya oleh bangsa Cina yang semangnya pakar dalam pembuatan pau.

Dari segi sambutan daripada orang ramai, ujar Mahdi yang turut dibantu oleh dua anak lelakinya dalam menjual kuih pau tersebut memanjatkan rasa syukur dan Alhamdulillah ia amat menggalakkan sekali kerana rata-rata pelanggan kami berpuas hati memandangkan pau yang kami jual dan buat bukanlah jenis pau yang dibekukan seperti yang banyak terdapat di pasar raya-pasar raya, tetapi Pau Melayu Homemade kami ia lebih pada pau yang masih segar dan baru-baru dibuat serta tidak mengandungi bahan pengawet.

"Kuih pau sedap dimakan semasa panas kerana lebih sedap dan lembut dan untuk menghasilkan kuih pau ini, teknik adunan tepung dan bancuhan perlu betul. Bahan utama dalam pembuatan kuih pau ini ialah tepung gandum dan apa yang terpenting penghasilan kuih pau ini memerlukan kemahiran dan pengalaman agar pau yang terhasil lebih sedap dan berkualiti," jelas isteri beliau.

Apa yang istimewanya tentang Pau Melayu Homemade ini ia hanya terdapat di Pantai Jerudong pada setiap Jumaat dan Ahad serta hari-hari kelepasan awam dan pastinya setiap kemunculannya akan dinanti-nanti oleh peminat kuih pau tidak kira apa jua bangsa dan ini turut mendapat sambutan daripada para pelancong yang juga kebetulan datang berkunjung ke Pantai Jerudong berkenaan untuk melihat suasana keindahan Pantai Jerudong dan ini secara tidak langsung membantu menaikkan ekonomi negara dan membantu dalam menjayakan lagi usaha para usahawan kecil-kecilan negara kitani.

Apabila ditanya kenapa Ainie dan suami begitu berminat menjalankan perniagaan kecil-kecilan seumpamanya, kerana menurut mereka ini adalah semata-mata untuk menyahut seruan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja yang dikasihi agar rakyat dan penduduk di negara ini untuk berusaha dan bekarih, bejarih, belurih dalam mencari rezeki yang halal walau di mana jua tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan semata-mata.

> *"PADA mula kita mencuba membuat kuih pau ini memang banyak cabaran dan dugaan yang ditempohi terutama dalam menghasilkan pau yang terbaik, dalam tempoh pembuatannya kami menghadapi banyak kegagalan dan pastinya juga kami mengalami kerugian dari segi modal yang telah kami keluarkan."*

Jelas Mahdi, untuk mengembangkan lagi usaha kami dalam menghasilkan kuih Pau Melayu Homemade ini, kami berazam untuk terus memperbaiki lagi mutu dan rasa pau yang ada dan insyaaAllah akan cuba memasarkannya ke pasar raya-pasar raya di negara ini sekali gus mencuba untuk membuat jenis yang dibekukan "Pau Beku Melayu Homemade" selain berusaha untuk meningkatkan lagi jumlah penghasilan pau dari 300 ke 500 biji sehari.

"Saya sarankan suri rumah yang mempunyai masa terluang agar menceburi perniagaan di rumah kerana selain dapat memanfaatkan masa lapang, kita juga dapat membantu menambah pendapatan walaupun suami mampu menyara kita sekeluarga," tambah isterinya.

Antara pau-pau yang terdapat pada Pau Melayu Homemade ini seperti pau perisa kacang hitam, daging, ayam, sardin, kaya, kastard, buttermilk, cornbeef, kelapa, coklat dan sebagainya. Kebiasaannya, setitik pewarna akan diletakkan di atas pau bagi menandakan jenis inti yang terdapat di dalam pau tersebut.

Tambahan pula, kuih pau tersebut terjual sejajar dengan laluan orang ramai dan memudahkan pelanggan serta penggemar kuih pau untuk menikmatinya dan ia amat menyeronokkan sekali apatah lagi kekadang penjualan pau Jerudong kami ini cepat habis.



PAU Melayu Homemade.



PAU inti telur antara yang diminati ramai.

# Tingkatkan reputasi penyelidikan

Oleh : Khartini Mohd. Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar ketika berucap pada Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan dan Teknologi Brunei (BICET) Kali Ke-6 dan Persidangan Kejuruteraan Awam ASEAN (ACEC) Ke-9, Tahun 2016 di Dewan Serbaguna UTB.

**TUNGKU LINK**, Isnin, 14 November. - Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menjelaskan Brunei Darussalam perlu bersungguh-sungguh melibatkan diri dalam penyelidikan sains serta teknologi kerana ia bertujuan untuk kepelbagaian ekonomi selain minyak dan gas.

Maka adalah tepat pada masanya untuk Universiti Teknologi Brunei (UTB) ujarnya, untuk meningkatkan reputasi penyelidikannya dengan mempunyai fokus yang lebih besar ke arah penyelidikan canggih dan terus menyediakan pengalaman pendidikan berkualiti tinggi.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan dan Teknologi Brunei (BICET) Kali Ke-6 dan Persidangan Kejuruteraan Awam ASEAN (ACEC) Ke-9, Tahun 2016 di Dewan Serbaguna UTB, di sini.

UTB, tambahnya sudah pun menawarkan pelbagai program ijazah kejuruteraan, di samping turut menyediakan asas yang kukuh di peringkat Ijazah dan Lanjutan, sehubungan itu Kementerian Pembangunan NBD tambahnya telah bekerjasama dengan UTB di bawah Program Pembelajaran Lanjutan (FLP), bertujuan untuk menyediakan jurutera awam bukan sahaja untuk Kementerian Pembangunan, tetapi juga untuk kementerian-kementerian lain secara profesional yang diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa.

Menerusi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Konvokesyen UTB baru-baru ini melalui pengakreditasi program, menurut baginda dapat menjimatkan kos latihan yang ditanggung oleh majikan.

Beliau sukacita menyatakan bahawa akreditasi program kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik dan elektronik oleh badan-badan antarabangsa sedang dijalankan di UTB.

Dari itu, Brunei Darussalam terangnya, dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonominya berusaha untuk mewujudkan asas saintifik serta teknologi yang kukuh dan beliau juga gembira kerana UTB telah menubuhkan sebuah sekolah baharu bagi *applied science* dan matematik.

"Program ijazah baharu dalam bidang sains dan teknologi makanan ujarnya lagi akan menghasilkan lebih banyak tenaga kerja mahir dan berdisiplin untuk memacu usaha kepelbagaian Brunei Darussalam bagi melahirkan graduan yang berkualiti tinggi.

Ia juga penting bahawa ahli akademik di Institut Pengajian Tinggi Brunei Darussalam merupakan penyelidik aktif dalam bidang masing-masing dan pada masa yang sama para pendidik boleh mengongsikan pengetahuan baharu mereka mengenai penyelidikan kepada pelajar mereka," jelasnya.

Menurutnya, Brunei Darussalam juga perlu bergiat aktif serta menceburi rangkaian penyelidikan global dalam semua bidang sains dan teknologi bagi memupuk bakat tempatan, di samping dapat memanfaatkan bakat global dan acara seperti BICET 2016 juga ACEC Ke-9 ini memainkan peranan penting, bertindak sebagai forum untuk ahli-ahli sains dan jurutera, pelajar, pengamal industri untuk berinteraksi, bekerjasama serta meningkatkan profil inovasi sains dan teknologi juga pendidikan di Brunei Darussalam.

Sementara itu, kertas kerja pertama persidangan bertajuk 'Long-term Management of Bridges - Fatique Analysis of RC Bridge Deck Slabs' disampaikan oleh pakar dalam bidang Kejuruteraan dan Polisi Pembangunan Lestari di Universiti Hokkaido, Jepun, Profesor Takashi Matsumoto.

Persidangan kali ini membentangkan 160 kertas kerja di lima simposium dalam 35 sesi, iaitu Simposium 'A' mengenai Sistem Biosumber, Pertanian dan Mekanikal, Simposium 'B' membincangkan Kimia & Bahan, Tenaga dan Alam Sekitar, Simposium 'C' berkenaan Pendidikan & Latihan dan Keselamatan Diri dalam Kejuruteraan, Simposium 'D' tentang Maklumat & Komunikasi, Pengiraan dan Kejuruteraan Elektrik; dan Simposium 'E' menjurus pada 'Future Built Environment'.

Komponen Kejuruteraan Awam BICET 2016 juga akan diadakan di Simposium 'E' sempena persidangan tersebut.

Para pembentang kertas kerja adalah dari Australia, Brunei Darussalam, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Oman, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand dan United Kingdom.

Dua pembentang ucaptama disampaikan oleh penceramah jemputan terdiri daripada Pakar Sains Bahan dan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, Profesor Chen Zhong dan Pakar Kejuruteraan Elektrik dari Institut Sains Lanjutan serta Teknologi Korea, Profesor Won Yong-Hyub.

UTB adalah satu-satunya universiti di negara ini yang menawarkan latihan komprehensif dalam Awam, Mekanikal, Petroleum, Kimia, Mekatronik dan Kejuruteraan Elektrik serta Elektronik.

UTB dengan kerjasama Institusi Kejuruteraan dan Teknologi (IET) Brunei Darussalam sebagai penganjur serta Oxford Business Group selaku rakan penaja dan penyelidik, sementara Petrokon Utama Sdn. Bhd. dan PTD Technology selaku penaja.

BICET 2016 yang bertemakan 'Kemajuan Terkini Sains Kejuruteraan dan Teknologi' diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 16 November 2016, sementara, ACEC Ke-9 akan diadakan sehingga 15 November 2016 dan ia merupakan acara tahunan untuk ahli akademik, para penyelidik dan jurutera dari industri, makmal penyelidikan juga universiti-universiti dari dalam serta luar negara untuk bertukar-tukar maklumat dan melibatkan diri di antara satu sama lain.

Berikutan kejayaan acara terakhir, BICET 2016 akan membawa bersama-sama perkembangan *state-of-the-art* di semua topik utama yang berkepentingan dalam sains kejuruteraan dan teknologi.

Sementara itu, ACEC Ke-9, 2016 merupakan anjuran bersama oleh UTB dan AUN / SEED-Net serta disokong oleh Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA).

AUN / SEED-Net adalah sub-rangkaian dari ASEAN University Network (AUN), dengan 26 Institusi Anggota daripada 10 buah negara ASEAN dipilih dari institusi terkemuka dalam bidang kejuruteraan di negara masing-masing dengan sokongan daripada 14 universiti terkemuka di Jepun, yang mana UTB adalah di antara ahli AUN / SEED-Net.

Hadir sama pada majlis perasmian persidangan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Noriko Iki; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan Profesor Zuruzi Abu Samah selaku Pengerusi BICET 2016.



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis BICET Kali Ke-6 dan ACEC Ke-9, Tahun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna UTB.

# Mangsa kebakaran terima sumbangan



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh (duduk, tengah) selaku tetamu kehormat bersama para penerima derma kebakaran dan para pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan juga Sekolah Menengah Awang Semaun dalam sesi bergambar ramai.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**LUMAPAS**, Isnin, 14 November. - Kebajikan mangsa-mangsa kebakaran di negara ini terus mendapat perhatian dan bantuan daripada pihak-pihak tertentu bagi sama-sama meringankan beban dan sebagai tanda prihatin di atas musibah yang menimpa.

Majlis Penyampaian Derma Mangsa Kebakaran bagi Kampung Panga telah diadakan di Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampung Lumapas, di sini.

Penerima adalah terdiri daripada seorang guru *relief* dan dua pelajar, iaitu mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Sungai Panga yang berlaku pada awal pagi 13 Julai yang lalu.

Pada majlis itu, mangsa musibah kebakaran menerima wang tunai hasil dari kutipan derma Jabatan Sekolah-Sekolah dan unit-unit di Kementerian Pendidikan berjumlah sebanyak BND3,696.

Majlis penyampaian derma disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan kepada Dayang Norshahrizawati binti Mohd. Said salah seorang guru *relief* di Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar.

Ini diikuti dengan penyampaian kepada pelajar Tahun 5 di Sekolah Rendah Sungai Kebun, Awang Muhammad Naqiuddin Ariel bin Jenin dan penyampaian kepada Awang Mohd. Muizudin Aiman bin Jenin, pelajar Tahun 8 di Sekolah Menegah Awang Semaun yang diterima oleh wakilnya.

Terdahulu, Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Nudin bin Haji Mohammad merakamkan ucapan takziah dan turut sama bersimpati di atas musibah yang diterima juga mendoakan semoga para penerima akan tabah menerimanya.

Turut hadir ialah Ketua Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam, Jabatan Sekolah-Sekolah, pegawai-pegawai, pengetua, Guru Besar dan Guru-guru dari sekolah-sekolah yang terlibat serta ibu bapa juga penjaga pelajar-pelajar berkenaan.

# Penyumbang Program Sarapan Pagi di Sekolah terima penghargaan YSHHB

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 13 Disember 2016**. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran (Blok 'D'), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **14 November 2016.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran** :
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
**2.30 Petang** hingga **3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : ***http://www.mindef.gov.bn.***

## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN

| BILANGAN SEBUTHARGA | KETERANGAN | BAYARAN YURAN/ DOKUMEN SEBUTHARGA | TARIKH TUTUP DAN WAKTU |
|---|---|---|---|
| DA/JKSH/70/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI,<br>BANDAR SERI BEGAWAN, KLUSTER 1,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/71/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI,<br>BANDAR SERI BEGAWAN, KLUSTER 1,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/72/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH MENGLAIT GADONG, KLUSTER 1,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/73/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH KATOK, KLUSTER 1,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>(KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A') | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/74/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN BANGAR TEMBURONG,<br>KLUSTER 1, DAERAH TEMBURONG<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/75/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH BENGKURONG, KLUSTER 2,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/76/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HASAN, JALAN BAN 5,<br>MUKIM KILANAS, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/77/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HASAN, JALAN BAN 5,<br>MUKIM KILANAS, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/78/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH MASIN, KAMPONG MASIN,<br>JALAN LIMAU MANIS, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/79/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH LUMAPAS, KLUSTER 3,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/80/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI, JALAN BERAKAS,<br>KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/81/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA ALI WANIKA SETIA DIRAJA<br>KUPANG, KLUSTER 4, DAERAH TUTONG<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/82/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH RIMBA II, JALAN 99,<br>KAMPONG PERPINDAHAN RIMBA GADONG, KLUSTER 4,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[ KANTIN BAHAGIAN STALL 'B'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/83/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH RIMBA II, PERPINDAHAN KAMPONG RIMBA,<br>KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/84/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM,<br>KAMPONG SERASA MUARA, KLUSTER 4,<br>DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/85/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>PUSAT TINGKATAN ENAM MERAGANG, KAMPONG MERAGANG,<br>KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[KANTIN BAHAGIAN STALL '5'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/86/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH MENENGAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA<br>TUTONG, KLUSTER 4, DAERAH TUTONG<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/87/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH KERIAM, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/88/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH DATO PEMANCHA SAGING UKONG,<br>KLUSTER 5, DAERAH TUTONG<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/89/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM,<br>JALAN RAJA ISTERI, SERIA, KLUSTER 6,<br>DAERAH BELAIT<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/90/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>MAKTAB ANTHONY ABBEL SERIA, KLUSTER 6,<br>DAERAH BELAIT<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN<br>[KANTIN BAHAGIAN STALL 'B'] | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/91/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>IBTE KAMPUS NAKHODA RAGAM, JALAN LEBUH RAYA<br>MUARA TUTONG, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |
| DA/JKSH/92/2016/2017<br>[BPPA-NOV-2016] | SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI<br>IBTE KAMPUS BISNESS SIMPANG 347,<br>JALAN PASAR BAHARU GADONG, DAERAH BRUNEI MUARA<br>KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<br>BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN + SATU [1] TAHUN | $5.00<br>[Bayaran Dokumen Sebutharga tidak dikembalikan] | 26/11/2016<br>[Tidak lewat jam 9.00 pagi] |

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN SEBUTHARGA**

| | | |
|---|---|---|
| ISNIN HINGGA KHAMIS | : | 8:00 PAGI HINGGA 11:45 PAGI<br>1:45 PETANG HINGGA 3:00 PETANG |
| SABTU | : | 8:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI |

### SYARAT-SYARAT IKLAN SEBUT HARGA

KETERANGAN lebih lanjut dan syarat-syarat sebut harga serta borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

# Manfaatkan sistem GIS



WAKIL dari ESRI Nazri Razak semasa ditemu bual Pelita Brunei.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUNGKU LINK,** Selasa, 15 November. - Pensyarah Geografi, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Shafi Noor Islam dalam satu kenyataan berkata, Sambutan Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) Sedunia diadakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai GIS.

GIS menurutnya, merupakan sistem dan teknologi untuk menangkap, menyimpan, menggunakan, menganalisis dan menggambarkan maklumat spatial serta digunakan dalam pelbagai aplikasi.

Beliau berkata demikian pada Sambutan Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) Sedunia 2016 yang dianjurkan oleh UBD melalui Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Program Geografi, Persekitaran dan Pembangunan Sains (GED) yang diadakan di Dewan Mitsubishi Hall, UBD, di sini.

Pada majlis tersebut, Dr. Shafi Noor Islam menyampaikan taklimat pengenalan mengenai Hari GIS Sedunia 2016 dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Program GED.

Konsultan Perkhidmatan Pelanggan Syarikat GIS Global, ESRI South Asia, Awang Mohd. Nazri bin Abdul Razak yang antara lain membentangkan mengenai penggunaan dan kebaikan GIS.

Awang Mohd. Nazri ketika ditemui Pelita Brunei berkata, ESRI South Asia berhasrat untuk meningkatkan penggunaan dan peluang perniagaan di pasaran negara ini.

"Dengan peluang pekerjaan yang diberikan oleh ESRI kepada warga tempatan, ia merupakan peluang untuk menunjukkan bahawa kita dapat bekerja dengan cekap secara global," katanya.

Tambahnya, ada dua perkara yang ingin ditingkatkan oleh ESRI South Asia dalam memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

"Pertama ialah tahap kepuasan pelanggan yang sedia ada di negara ini dan keduanya adalah ESRI ketika ini juga mencari peluang yang lebih baik bagi penggunaan teknologi," ujarnya.

Beliau memberitahu, perspektif teknologi GIS pada masa ini adalah bagi mempromosikan web GIS platform atau *smart-mapping* dalam penggunaan teknologi, di sini.

"Ini yang kami ingin tingkatkan juga perkenalkan ke pasaran di negara ini," katanya.

Pada majlis itu juga, pelajar-pelajar FASS, Program GED mempamerkan hasil kerja mereka bagi Modul AV-3301 Introduction to Remote Sensing dan Modul AV-4302 Wetland Ecology and Management.

Penyampaian hadiah bagi dua kerja terbaik secara berkumpulan dan dua kerja terbaik secara individu juga diadakan pada majlis tersebut.

Sambutan Hari GIS Sedunia diadakan setiap tahun pada tiap minggu ketiga bulan November sebagai sebahagian dari Minggu Kesedaran Geografi, yang mana pada tahun ini diadakan pada 13 hingga 19 November.

Hari GIS Sedunia yang diperkenalkan oleh ESRI sejak tahun 1999, pada tahun ini ia jatuh pada 16 November dengan tema 'Discovering the World through GIS'.




KUMPULAN dari Module AV-4302 Wetland and Ecology Management dengan projek Sine Saloum Data Management in Senegal memenangi persembahan terbaik pada Sambutan Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) Sedunia 2016.

# Jabatan Penerangan tanam semangat patriotisme penuntut

Oleh : Haji Ariffin bin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin bin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 15 November. - Jabatan Penerangan sama-sama memainkan peranan untuk mendekati para remaja selaku ejen penyebaran maklumat semasa serta menanamkan semangat patriotisme terhadap tanah air.

Sehubungan itu, jabatan berkenaan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengendalikan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), di sini.

Program yang bertujuan memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan kepada golongan remaja itu disertai oleh 200 pelajar dari Tahun 9 dan 10.

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Menteri Pendidikan, Dayang Siti Zuliana binti Haji Abdul Samad hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Acara bermula dengan nyanyian Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" dan Lagu Patriotik "Bendera Negara" yang diiringi oleh penuntut-penuntut Tahun 9 dan Tahun 10, Sekolah Menengah YSHHB.

Pengetua, Sekolah Menengah YSHHB, Chong Li Chen, antara lain mengingatkan para penuntut akan perimustahaknya menanamkan sikap patriotisme dalam diri setiap pelajar.

Taklimat Kenegaraan dimulai dengan tayangan video "Kibarkan Bendera dan Lagu Negara dengan Megah" dan diteruskan taklimat bertajuk "Menghayati Bendera Nagara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Beliau menyentuh mengenai lagu kebangsaan yang bersifat setia negara yang dihasilkan oleh Allahyarham Awang Haji Besar bin Sagap selaku pencipta / penggubah, manakala seni kata dicipta oleh Allahyarham Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Tambahnya, lagu kebangsaan tersebut merupakan Doa kepada hadrat Allah Subhanahu Wata'ala khusus buat Ulil Amri Raja yang dikasihi agar dilanjutkan usia menaungi nusa (negara).

Program tersebut juga diserikan dengan persembahan nyanyian daripada artis Jabatan Penerangan, tayangan Klip Video "Patriotik" Sekolah Menengah Yayasan, persembahan tarian Joget Seri Kenangan" diikuti dengan persembahan drama "Kami Mahu Berjaya" yang dipersembahkan oleh para penuntut sekolah tersebut.

Acara juga dimeriahkan lagi dengan lawak jenaka dan kuiz oleh pelawak-pelawak undangan tanah air, Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Awang Haji Mohd. Firdaus bin Haji Mohd. Salleh.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan hadiah kepada lima penuntut yang berjaya menjawab kuiz.

Program RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Turut hadir ialah guru-guru dan kakitangan dari SM YSHHB.



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Menteri Pendidikan, Dayang Siti Zuliana binti Haji Abdul Samad hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).



SERAMAI 200 pelajar dari Tahun 9 dan 10 hadir pada Program RRP yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menegah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



PERSEMBAHAN tarian asli Joget Seri Kenangan daripada pelajar-pelajar perempuan Sekolah Menegah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

# Perkembangan, kegemilangan Brunei

Oleh :
Dr. Muhammad Hadi Md. Melayong
Pejabat Sekretariat
Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja
dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

**KERAJAAN** yang diasaskan oleh Sultan Muhammad Shah pada tahun 1363 yang kemudiannya mengamalkan dasar Melayu Islam Beraja (MIB) pada tahun 1368 terus berkembang dan menempuh zaman kegemilangannya dari abad Ke-15 hingga abad Ke-17. Keagungan Brunei bermula dari zaman pemerintahan Sultan Brunei yang ketiga, iaitu Sultan Sharif Ali (TM. 1425 - 1432) yang berasal dari Ta'if keturunan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Berkat penyebaran dakwah Islamiyah oleh mubaligh Arab melalui perdagangan, Islam telah bertapak kukuh di Brunei, terutamanya dengan kedatangan al-Amir as- Sharif Ali bin Ajlan yang telah menggunakan pengalamannya sebagai Amir Makkah dalam mencari perlindungan dari kacau bilau yang memaksa baginda berhijrah jauh ke rantau sebelah sini yang nyata lebih selamat. Kesemua pengarang kitab tersebut ada menukilkan catatan sejarah dan perjalanan Sharif Ali dan hubungan baginda dengan keturunan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kebangkitan ini secara tidak langsung keberkatan dari pengamalan dan penghayatan ajaran Agama Islam di bumi Brunei yang bertambah kukuh dan mantap. Syiar Agama Islam terus berkembang, masjid telah didirikan dan Kota Batu dibina dengan bantuan daripada orang-orang China lanjutan dari hubungan diplomasi dan perdagangan sejak dari Dinasti Sung berterusan sehingga ke zaman Dinasti Ming kurun Ke-15. Apa yang paling penting ialah pengukuhan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam pemerintahan Sultan Sharif Ali yang menjadi dasar dalam pentadbiran dan pengurusan negara. Kepimpinan dan kewarakan baginda dalam bidang agama telah menyebabkan baginda dihormati sehingga termasyhur dengan gelaran Sultan Berkat.

Selepas pemerintahan Sultan Sharif Ali, Brunei terus berkembang di bawah pemerintahan sultan-sultan seterusnya misalnya Sultan Bolkiah yang kelima terkenal dengan gelaran Nahkoda Ragam kemudian Sultan Muhammad Hasan yang beristana di Tanjung Kindana terkenal dengan gelaran Marhum Di Tanjung. Bagaimanapun, kemuncak kegemilangan empayar Brunei adalah zaman Sultan Bolkiah kelima yang memerintah pada tahun 1485 - 1524 Masihi. Dinyatakan bahawa pemerintahan Sultan Bolkian, Brunei telah mula memperluaskan kuasa pengaruhnya ke seluruh Pulau Borneo dan ke Filipina di sebelah utaranya. Kejatuhan empayar kesultanan Melaka pada tahun 1511 oleh kuasa Portugis telah menyebabkan kemunculan pengaruh Brunei untuk mengambil alih peranan dalam bidang perdagangan dan juga penyebaran dakwah Islam. Agama Islam terus tersebar di kawasan persisir Kepulauan Borneo dan Selatan Filipina yang menjadi cabaran kepada kuasa-kuasa Barat khususnya Portugis dan Sepanyol yang mahu mengembangkan Ugama Kristian serta menerokai perdagangan rempah di sebelah Timur.

Keberkatan dari kepimpinan berdasarkan pada nilai-nilai keislaman menyebabkan kedudukan Brunei bertambah kukuh dan kuat. Ini terbukti dengan pengamalan dan penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian dan pentadbiran negara. Pembukuan Hukum Kanun Brunei dan seterusnya penyusunan dan perkembangan susun atur adat istiadat kerajaan dan istana yang menjadi warisan sehingga ke hari ini institusi beraja makin bertambah mantap dan stabil. Sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan, Hukum Kanun adalah sebuah perundangan yang dikanunkan yang menjadi dasar dan polisi dalam pentadbiran dan pengurusan Negeri Brunei. Ia mengandungi bidang perundangan yang sangat luas dalam perlaksanaan hukum syarak meskipun terdapatnya undang-undang adat namun asasnya adalah perundangan Islam. Dengan pembukuan tersebut ia menjadi pegangan dan sumber utama bagi memantapkan pemerintahan yang berdasarkan MIB di Brunei, sebagaimana titah Al-Marhum Sultan Muhammad Hasan :

*"...maka inilah suatu risalah pada menyatakan Hukum al-Kanun di dalam negeri yang besar-besar dan segala adat yang takluknya dan dusunnya supaya manfaat atau negerinya dan segala Raja-raja dan Manteri-manteri bahawa memeliharakan ia akan segala rakyatnya."*

Antara isi kandungan Hukum Kanun Brunei tersebut ialah memuatkan 47 fasal, antara lain mengandungi Hukum Hak Raja, Hukum Jenayah, Hukum Mencuri, Hukum Nikah Kahwin, Hukum Zina, Hukum Murtad, Hukum Perniagaan, Hukum Makan Riba, Hukum Sukatan dan Timbangan, Hukum Berjual Beli dan Hukum Hutang Piutang. Hampir keseluruhan fasal-fasal yang terdapat dalam Hukum Kanun Brunei ini mengandungi perundangan Islam. Dengan pemakaian dan pengamalan Hukum Kanun ini bermakna perlaksanaan undang-undang Islam berlandaskan hukum syarak memang sudah lama dijalankan sama ada dalam zaman Sultan Muhammad Hasan atau sebelum dan selepasnya. Dalam catatan Sepanyol mengenai Brunei dalam tahun 1588 - 1589 menyatakan : hukum-hukum yang dilakukan di Brunei ketika itu, ...orang yang mencuri harta benda raja atau memalsukan wang akan dihukum bunuh dan harta bendanya dirampas, orang yang mencederakan orang lain akan dihukum. Dengan lain perkataan, perlaksanaan Hukum Syariah bukan sesuatu yang baharu bahkan ianya telah berakar umbi di bumi Brunei Darussalam sebagaimana juga yang dilaporkan oleh pendatang-pendatang dari Barat. Dan tidak berkemungkinan bahawa mungkin Hukum Kanun yang bertulis dalam tulisan jawi ini ada tersimpan di Arkib atau perpustakaan dunia Barat yang telah dibawa oleh pendatang kuasa-kuasa barat yang datang ke Brunei dalam abad Ke-15 dan Ke-16 Masehi. Ini adalah pembuktian penting akan kewujudan sebuah kerajaan yang mengamalkan nilai-nilai MIB di Pulau Borneo.

Oleh itu, perlaksanaan hukum Islam merupakan kelangsungan pengamalan nilai-nilai MIB sama ada dalam pentadbiran negara atau amalan kehidupan seharian sejak ratusan abad yang lalu. Maka Agama Islam telah menjadi teras dan tonggak dalam dasar MIB. Dengan lain perkataan, unsur-unsur yang terdapat dalam ketiga-tiga komponen (MIB) adalah bersepadu dan saling sandar-menyandar di antara satu dengan yang lain kerana nilai-nilai Melayu dan Beraja mesti selari dan sesuai serta tidak bercanggah dengan ajaran hukum syarak sebagaimana disebutkan 'adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah'. Penegakan Islam yang menjadi punggul dalam pengamalan nilai-nilai MIB adalah faktor utama pada keagungan dan kecemerlangan empayar Brunei dalam abad 15 dan 16 Masihi. Dan tidak mustahil akibat dari keagungan Brunei kuasa-kuasa Barat seperti Portugis dan Sepanyol ingin mengkaji tentang budaya dan perundangan orang-orang Brunei berdasarkan pada kitab Hukum Kanun Brunei menjadi dasar undang negara pada dewasa itu.

Bagi mengekalkan kegemilangan ketamadunan Brunei pada zaman silam itu yang mana ternyata bahawa kemakmuran dan kesejahteraan masih terus kita nikmati sehingga masa kini adalah keberkatan dari pengamalan nilai-nialai MIB yang dianugerahkan. Sebagai bangsa Brunei yang sentiasa bersyukur kepada Maha Penciptanya, maka kita berkewajipan untuk mengamalkan dan menghayati perisian dalam cara hidup MIB kerana Islam adalah paksinya, sebagaimana titah baginda Sultan bahawa ...dengan izin dan rahmat Allah serta berkat pegangan kita terhadap dasar-dasar MIB selama ini, maka Negara Brunei Darussalam terus menikmati keamanan, makmur dan bahagia, di bawah perlindungan dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hal ini, rakyat sentiasa mendukung kuat apa jua dasar kepimpinan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memimpin rakyat dan negara ini ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Meskipun rakyat dan negara ini mengharungi berbagai cabaran dan rintangan, namun sebagai tanda ketaatan pada perintah Tuhannya, maka dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta bersyukur, baginda telah mengisytiharkan pada hari Khamis, 1 Rejab 1435 bersamaan 1 Mei 2014 bermulanya berkuatkuasa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanan Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telah berlangsung pada hari Rabu, 30 Jamadilakhir 1435 bersamaan 30 April 2014b bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Negara Brunei Darussalam.

Ini titik sejarah penting kesinambungan perkembangan syiar Islam di bumi Brunei Darussalam yang pernah berlaku pada zaman pemerintahan Sultan-sultan Brunei ratusan tahun yang lalu yang mengamalkan Dasar MIB.

Kita yakin dan percaya bahawa pengekalan dan pengukuhan nilai-nilai MIB adalah penjamin dan penentu bagi mencapai Wawasan 2035 dalam usaha Bangsa Brunei untuk menikmati taraf kehidupan yang tinggi serta pembangunan ekonomi yang stabil dan daya saing, di samping rakyat mempunyai pendidikan yang berkualiti. Kejayaan dan kecemerlangan Bangsa Brunei bukan sahaja untuk kebahagiaan hidup di dunia bahkan jua akhirat.



MAKAM Sultan Muhammad Hasan di Tanjung Kindana terkenal dengan gelaran Marhum di Tanjung.




PETA Pulau Borneo pada abad Ke-16 berdasarkan lukisan Sepanyol.




KANDUNGAN Hukum Kanun Brunei dalam tulisan Jawi mengenai Hukum Orang Murtad dan Saksi. Ada kemungkinan hukum kanun ini ada tersimpan dalam arkib negara barat.

# UNISSA - UNNES meterai MoU

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus meningkatkan kemajuan dalam bidang kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi luar negara dengan termeterainya penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universitas Negeri Semarang (UNNES), Indonesia yang telah berlangsung di Bilik Senate, UNISSA, Gadong, di sini.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak UNNES, Indonesia pula ditandatangani oleh Rektor universiti berkenaan, Prof. Dr. Fathur Rokhman, M.Hum.

Sebelum upacara penandatanganan MoU, Rektor UNISSA mengalu-alukan kedatangan delegasi dan berharap bahawa dengan termeterainya penandatanganan MoU itu akan dapat menjalinkan lagi hubungan persefahaman khususnya dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Katanya, usia muda UNISSA, iaitu 10 tahun penubuhannya, bukan penghalang dalam berganding bahu untuk memajukan sistem Pengajian Tinggi malah ini satu cabaran terhadap UNISSA untuk membuktikan bahawa UNISSA mampu untuk terus bersaing dengan universiti di peringkat antarabangsa.

Rektor UNNES dalam ucap balasnya pula menjelaskan bahawa UNNES mempunyai visi untuk menjadi universitas berwawasan konservasi dan bereputasi antarabangsa memberikan prioriti pada kerjasama peringkat serantau ASEAN. UNNES menyambut baik kesempatan dari UNISSA untuk bekerjasama secara formal. Rektor UNNES juga amat bersetuju perlunya ada kesefahaman dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan akademik dengan adanya pertukaran mahasiswa atau pertukaran pensyarah juga kolaborasi penyelidikan.

Dalam kunjungan delegasi UNNES ke UNISSA, Rektor UNNES sempat membentangkan kertas kerja dalam sesi Kuliah Umum di antara UNISSA dan UNNES anjuran Fakluti Syariah dan Undang-Undang (FSU).

Kertas kerja berjudul "The Need of Multicultural Education, Conservation and Mental Revolution" antara lain mengupas bahawa pendidikan 'multiculturalism' dapat mencegah konflik sosial dan politik yang mungkin terjadi di Indonesia dan Brunei Darussalam. Nilai konservasi khususnya konservasi karakter juga dapat membantu kita menjadi warga negara dan dunia yang lebih baik.

Manakala pembentangan kertas kerja di pihak UNISSA pula diwakili oleh Pensyarah FSU, Prof Dr. Abdul Mohaimin bin Noordin Ayus, bertajuk "Pengenalan kepada Undang-Undang Negara Brunei Darussalam : Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013".

Hadir menyaksikan penandatangan MoU tersebut adalah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor dan Pegawai-Pegawai Utama, UNISSA.



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pihak UNISSA, manakala Rektor Universitas Negeri Semarang (UNNES), Indonesia, Dr. Fathur Rokhman, M.Hum (kiri) menandatangani bagi pihak UNNES.**

# UBD - AIIT laksana projek PBL bersama

**Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 14 November. - Satu Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memformalkan kerjasama dalam Projek Pendidikan Asas Pembelajaran (PBL) di antara Institut Lanjutan Teknologi Industri (AIIT), Jepun serta Fakulti Integrasi Teknologi (FIT), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah ditandatangani pada baru-baru ini.

Menurut Siaran Akhbar UBD, hadir bagi pihak AIIT ialah Presidennya, Dr. Seiichi Kawata dan UBD diwakili Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), Dr. Joyce Teo Siew Yean.

Pendidikan PBL bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan sistem pembelajaran dalam melengkapkan generasi hari ini dengan pengetahuan Teknologi Maklumat (IT) yang terbaharu untuk perniagaan global.

Setakat ini, terdapat empat projek kerjasama di antara tiga universiti: UBD, Brunei Darussalam; Unitec Institute of Technology, New Zealand dan AIIT, Jepun.

Projek PBL memberi tumpuan pada menjana platform yang dikenali sebagai Perkhidmatan Protokol Rangkaian Robot (RSNP), yang dijalankan sebagai sebahagian daripada program enPIT (Education Network for Practical Information Technologies).

Projek berkenaan mendedahkan pelajar pada aplikasi dunia sebenar yang digunakan dalam menghadapi masalah semasa dan masa depan melalui program robotik.

Tema projek berkisar tentang menangani cabaran semasa seperti penjagaan kesihatan dan alam sekitar, menggunakan aplikasi berasaskan web dan Internet-of-Things (IOT). Contoh projek PBL sebelumnya ialah sistem pemantauan anak damit, 'Buddy Bot' untuk kanak-kanak yang menghidap penyakit kronik dan Sistem Pemantauan Banjir.

Pasukan kerjasama PBL tahun ini sedang berusaha menjana sistem pengesan tanah runtuh dan akan siap pada akhir tahun ini.

Turut hadir semasa pertukaran MoU itu ialah Dekan Aide di Pusat Pengajian Teknologi Industri, AIIT, Dr. Shigeomi Koshimizu; Pengurus Jabatan Pentadbiran di AIIT, Dayang Atsuko Ouchi; Dekan Fakulti Integrasi Teknologi, Profesor Chandratilak De Silva Liyanage dan ahli-ahli fakulti FIT.

# ACEC bekerjasama laksana penyelidikan



**SEORANG penceramah yang diundang khas bagi mengendalikan Persidangan Serantau dalam Kejuruteraan Sivil Ke-9 atau ACEC Ke-9 yang bertemakan "Future Built Environment" ketika membentangkan salah satu tajuk yang berkaitan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 14 November. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) buat julung kalinya menjadi tuan rumah bagi Persidangan Serantau Kejuruteraan Awam Ke-9 atau Persidangan Kejuruteraan Awam ASEAN (ACEC), Ke-9, Tahun 2016.

Pensyarah Kanan, Program Kejuruteraan Awam UTB, Dr. Lim Pang Jen berkata, ACEC 2016 menghimpunkan wakil-wakil daripada universiti-universiti di rantau ASEAN bagi bekerjasama dalam melaksanakan penyelidikan.

Menurutnya, persidangan tersebut dijalankan bersama dengan Persidangan Kejuruteraan dan Teknologi Antarabangsa Brunei (BICET) 2016.

"Persidangan ini melibatkan penyertaan dari lapan buah negara ASEAN, iaitu Indonesia, Filipina, Thailand, Malaysia, Viet Nam, Myanmar, Singapura juga Negara Brunei Darussalam," katanya kepada Pelita Brunei.

Tambahnya, persidangan dua hari itu juga akan mengetengahkan dua penceramah industri, iaitu Sammy Yip dari Ove Arup dan Ham Jihun dari PyungHwa Engineering Consultants.

Seramai empat penceramah membentangkan taklimat pada hari pertama di sebelah petang ACEC 2016 diadakan.

Taklimat pertama bertajuk 'Study of Structural Performance of Cross Laminated Timber (CLT) Mid-rise Buildings in Indonesia' disampaikan oleh Dr. Ali Awaludin dari Indonesia, manakala Dr. Christian R. Orozco membentangkan tajuk 'Use of Lagoon Wastewater in Concrete Mix : Strength and Environmental Performance'.

Taklimat juga disampaikan oleh penceramah-penceramah yang juga dari negara Filipina, Dr. Cheryl Lyne C. Roxas dan Dr. Jonathan R. Dungca, masing-masing dengan tajuk 'Effects of Cold Joints on the Corossion of Steel in Fly Ash Mortar Mixed with Seawater' dan 'Digitalized Foundation Design Reference for Metro Manila'.

Persidangan yang berlangsung di Blok Kejuruteraan UTB tersebut merupakan anjuran bersama Rangkaian Universiti ASEAN / Rangkaian Pembangunan Pendidikan Kejuruteraan SEA (AUN / SEED-Net).

## MAKLUMAN

# Keputusan PCKSA secara perkhidmatan SMS

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urusetia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1437H / 2016M akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan atau ibu bapa yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada pendaftaran secara *online* atau melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit. Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai Selasa, 15 November, pada jam 2.00 petang.

Pendaftaran percuma secara *online* boleh dibuat menerusi laman sesawang KHEU di *www.kheu.gov.bn*. Manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip *KHEU [jarak] REG [jarak] NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN [jarak] NOMBOR INDEKS CALON* dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BND1.00 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Melalui perkhidmatan itu nanti, diharapkan akan memudahkan para calon atau ibu bapa mengetahui Keputusan Peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1437H / 2016M secara individu lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd. melalui e-mel *mach@machbrunei.com*.

# Sekolah Menengah Masin juara Pertandingan Bigstart

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**PENGARAH Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, JPM, Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani (kiri) menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara, iaitu Sekolah Menengah Masin.**

**MENTIRI,** Selasa, 15 November. - Sekolah Menengah Masin (SMM) muncul juara pada Pertandingan Bigstart Kali Ke-4 Tahun 2016 dengan pengendalian projek bertajuk Maestro Pitstop Enterprise.

Tempat kedua disandang oleh Sekolah Sukan dengan projek 'Mahkota' (Sports Hijab) dan tempat ketiga ialah Sekolah Menengah Berakas (SMB) dengan projek SMBox.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani pada majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Mentiri, di sini.

Pengetua SMPDSM, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan dalam ucapannya menjelaskan, tujuan pertandingan diadakan bagi mempraktikkan salah satu pembelajaran yang terkandung dalam Sistem Pendidikan Abad Ke-21, ini termasuk sebagai pendedahan dan sebagai platform keusahawanan bagi pelajar untuk memulakan perniagaan.

Selain untuk mengembangkan kreativiti pelajar tambahnya, ia juga diharap dapat meningkatkan inovasi pelajar, di samping melahirkan pelajar yang berani mengambil risiko bagi mencapai objektif perniagaan.

Tambahan lagi jelasnya, dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu akan memberikan peluang kepada pelajar untuk telibat dalam aktiviti sosial dengan lebih mudah lagi.

"Melaluinya juga, pelajar diharap dapat meraih pengalaman dalam keusahawanan terutamanya. Dalam masa yang sama, bidang keusahawanan merupakan medium untuk menggali minda individu dan bekerja berkumpulan. Dengan ini, kejayaan perniagaan adalah terletak pada penglibatan peserta dalam menghargai kreativiti dan inovasi yang dilakar serta dipraktikkan untuk menjadi realiti," ujarnya.

Pada bulan Mei yang lalu katanya, semua peserta berjaya membentangkan kertas cadangan bertemakan 'The Cuba Box-To Start With' dan melaluinya beberapa peserta telah terpilih sekali gus modal pendahuluan juga telah diserahkan dan para peserta diberikan tiga bulan sahaja untuk mengendalikan projek masing-masing.

Selain itu jelasnya lagi, pelajar juga telah diberikan bengkel berkaitan dengan pengetahuan seperti kreativiti, inovatif, kemahiran berfikir dan cara mengambil risiko.

Majlis juga diisikan dengan persembahan klip video dari lima kumpulan akhir.

Ini diteruskan dengan penyerahan sumbangan wang sebanyak BND200 dari hasil jualan para kumpulan akhir yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee yang kemudian didermakan kepada lima buah badan bukan kerajaan (NGOs), iaitu Pusat Bahagia, Pusat KACA, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Mariam, Smarter dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan.

Jabatan Pendidikan Kokurikulum menganjurkan Pertandingan Bigstart Ke-4 tahun ini bagi pelajar-pelajar sekolah menengah, maktab-maktab dan pra universiti yang dikelolakan oleh SMPDSM.

Sebanyak 14 buah sekolah menengah, maktab-maktab dan pra universiti menyertai pertandingan namun hanya lima buah kumpulan terpilih ke peringkat akhir, iaitu Sekolah Menengah Masin, Sekolah Menengah Sharif Ali, Sekolah Sukan, SMB dan SMPDSM.

Setiap kumpulan akhir diberikan wang *capital* sebanyak BND200 sebagai modal perniagaan pada bulan April yang lalu.

Pertandingan Bigstart ini merupakan satu projek keusahawanan bertujuan untuk mengembangkan kreativiti para pelajar dalam merancang projek yang berbentuk keusahawanan.

Ia juga untuk memperkaya inovasi dan pengambilan risiko bagi mencapai objektif, di samping merebut peluang untuk kemahiran yang lebih khusus dan pengetahuan yang diperlukan dalam mewujudkan aktiviti sosial dan perdagangan.

Ketua Pengurus bagi Kumpulan SMM, iaitu Dayang Sabrina binti Marzukiarman ketika ditemu bual menjelaskan, Bigstart merupakan satu platform besar yang membolehkan mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat, mengajar mereka berkomunikasi dengan pelanggan dan vendor.

Jelasnya, ia juga untuk mengajar mereka dalam kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, di mana Bigstart adalah satu peluang besar untuk belajar dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dengan betul.

Beliau menambah, projeknya telah beroperasi selama tiga bulan, yang mana mereka menjual barangan, makanan, minuman dan sebagainya.



**PENGARAH Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, JPM, Dayang Mazriyani (enam, kanan) ketika sesi bergambar ramai bersama juara, iaitu Sekolah Menengah Masin.**

## Layari Epaper Pelita Brunei




**Siaran Akhbar dan Carta : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Epaper Pelita Brunei merupakan surat khabar Pelita Brunei dalam versi digital dan mula beroperasi pada 18 Jun 2016.

Ia boleh dilayari melalui *www.pelitabrunei.gov.bn/epelita.* Dikemaskinikan setiap tiga kali seminggu, iaitu hari Isnin, Rabu dan Sabtu. Terdapat 24 halaman muka surat dimuatkan ke dalam Epaper tersebut yang boleh dilayari melalui internet sama ada menggunakan komputer, tablet atau telefon pintar dan sebagainya.

Antara ciri-ciri Epaper Pelita Brunei ialah PDF boleh dimuat-turun (dijadikan simpanan arkib, rujukan dan sebagainya dalam telefon pintar atau komputer). Epaper ini juga boleh disaksikan secara 'Thumbnails' (boleh dilihat secara keseluruhan atau paparan kecil kesemua muka surat Pelita Brunei dengan nombor muka suratnya). Epaper ini juga boleh diikuti atau dikongsikan secara aplikasi Facebook, Twitter, Linked In, Tumblr, Google Plus, E-Mail dan VK. Di dalam Epaper ini juga terdapat ruang carian *search* mengenai Epaper Pelita Brunei dengan menggunakan teks tidak kurang dari tiga huruf.

Tujuan Epaper ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai yang tidak memperolehi Pelita Brunei secara bercetak. Oleh kerana itu, Epaper dibuat bagi memudahkan mendapatkan berita terkini dengan menggunakan kemudahan internet secara lebih cepat serta mengurangkan penggunaan kertas.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : ***www.pelitabrunei.gov.bn***

**KESAN, CEGAH, PERANGI DIABETES**

دتربيتكن اوله جابتن فنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجاءن، نڬارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.